

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI SABAH
TAHUN 2017**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
3	Pendahuluan
4	Objektif dan Metodologi Pengauditan
4	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
	BAHAGIAN II
	ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
9	Latar Belakang
9	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
9	Kumpulan Wang Disatukan
10	Wang Awam
11	Akaun Hasil Disatukan
23	Akaun Pinjaman Disatukan
23	Akaun Amanah Disatukan
32	Penyata Prestasi Kewangan
33	Penyata Akaun Memorandum
40	Nota Kepada Penyata Kewangan
42	Rumusan dan Syor Audit
	BAHAGIAN III
	RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
47	Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11
52	Rumusan

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

55	Pendahuluan
55	Pengauditan Penyata Kewangan
55	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
57	Pengesahan Penyata Kewangan
58	Pembentangan Penyata Kewangan
59	Prestasi Kewangan
72	Rumusan dan Syor Audit

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

77	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
77	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

83 PENUTUP

LAMPIRAN

87	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	I
91	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	II
92	Penyata Kedudukan Kewangan	III
93	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	IV
94	Penyata Prestasi Kewangan	V
95	Penyata Akaun Memorandum	VI
96	Nota Kepada Penyata Kewangan	VII



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah Tahun 2017 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Kementerian/Jabatan Negeri sepanjang tahun 2017. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan ialah bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpanduan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

23 Oktober 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2017 adalah baik. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM390.64 juta atau 16.2% kepada RM2.80 bilion pada tahun 2017 berbanding RM2.41 bilion pada tahun 2016. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus berjumlah RM56.66 juta pada tahun 2017 menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM3.80 bilion atau 1.5%. Kutipan hasil telah meningkat sejumlah RM444.44 juta atau 12.9% kepada RM3.89 bilion pada tahun 2017. Perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM454.36 juta atau 13.5% kepada RM3.83 bilion pada tahun 2017. Pelaburan dalam bentuk simpanan tetap dan deposit berjumlah RM2.51 bilion, manakala pelaburan di Perbadanan Awam dan Badan Berkanun pada akhir tahun 2017 berjumlah RM6.58 bilion. Kedua-dua pelaburan tersebut telah memberi pulangan dalam bentuk faedah dan dividen masing-masing berjumlah RM112.67 juta dan RM140.43 juta. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun kepada RM802.32 juta. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam juga telah menurun kepada RM29.60 juta. Tunggakan hasil telah meningkat sejumlah RM41.10 juta kepada RM534.89 juta pada tahun 2017.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebanyak 7,270 projek telah dirancang termasuk projek khas/kecil Jabatan Ketua Menteri untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan. Prestasi pencapaian pelaksanaan projek di bawah RMKe-11 adalah baik. Sebanyak 6,525 projek atau 89.7% telah siap dilaksanakan, sebanyak 587 projek atau 8.1% projek sedang dilaksanakan dan 158 projek atau 2.2%

belum bermula. Pencapaian prestasi perbelanjaan pada tahun 2017 adalah RM997.54 juta atau 78.2% daripada peruntukan semasa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

4. Setakat 31 Julai 2018, 18 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan 24 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017 telah diterima. Hanya dua (2) Badan Berkanun Negeri masih belum menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 untuk diaudit. Semua 44 penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2016 telah diperkenankan dan diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran kecuali dua (2) Agensi mendapat Laporan Ketua Audit Negara Berteguran. Manakala dua (2) Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan lima (5) Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2016 diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran belum dibentang di Dewan Undangan Negeri.

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

5. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 7 Ogos 2017. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah Bagi Tahun 2016 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 2 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada 3 Julai 2018.

6. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2017 dan satu (1) kali setakat 31 Julai 2018. Jawatankuasa telah membincangkan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Siri 2 Tahun 2015, Siri 1 Tahun 2016 dan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 yang masih belum selesai di dalam sistem AG Dashboard.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara pada **2 Februari 2018**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai bagi tahun 2017 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Tahun 2017 adalah selaras dengan format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2012).

1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urusan niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2017. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Aset merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Perbelanjaan Pembangunan. Memorandum Liabiliti terdiri daripada satu kategori iaitu Hutang Awam. Hutang Awam meliputi semua Pinjaman Dalam dan Luar Negeri termasuk hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Bon Terbitan.

1.8. Nota Kepada penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Bendahari Negeri dan Kementerian/Jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Pre Exit Conference* bersama YBhg. Datuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 7 Mei 2018. Manakala *Exit Conference* bersama wakil YBhg. Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Bendahari Negeri Sabah dan wakil Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah telah diadakan pada 5 Jun 2018.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian

tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan Penyata Kewangan meliputi pemeriksaan terhadap rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2017 yang disertakan bersama dengan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah tahun 2017, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan. Analisis Audit dibuat terhadap penyata kewangan berdasarkan data/dokumen dan rekod yang dihasilkan melalui Sistem *Main Account* serta dokumen kewangan lain yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 berjumlah RM2.80 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai sejumlah RM293.23 juta dan Pelaburan sejumlah RM2.51 bilion. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,797.47	3,740.81	56.66	1.5
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.0	0.0
	Akaun Amanah Disatukan	-994.17	-1,328.15	333.98	-25.1
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
3.	• Kumpulan Wang Pembangunan	-2,511.08	-2,603.89	92.81	-3.6
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	113.37	14.54	98.83	679.7
	• Akaun Kena Bayar	215.23	217.35	-2.12	-1.0

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	808.65	708.53	100.12	14.1
	iii. Deposit	379.66	335.32	44.34	13.2
	JUMLAH	2,803.30	2,412.66	390.64	16.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,635.21	3,672.83	3,674.23	3,740.81	3,797.47
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan	-1,411.16	-1,346.83	-1,538.31	-1,328.15	-994.17
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:					
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-2,515.31	-2,347.02	-2,570.50	-2,603.89	-2,511.08
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-35.53	-38.15	-9.99	14.54	113.37
	• Akaun Kena Bayar	345.50	263.29	227.04	217.35	215.23
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	433.27	401.76	423.66	708.53	808.65
	iii. Deposit	360.91	373.29	391.48	335.32	379.66
	JUMLAH	2,224.05	2,326.00	2,135.92	2,412.66	2,803.30

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.2.2. Pada tahun 2017, baki Kumpulan Wang Disatukan telah meningkat sejumlah RM390.64 juta atau 16.2% kepada RM2.80 bilion berbanding RM2.41 bilion pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Hasil Disatukan memperolehi surplus berjumlah RM56.66 juta. Selain itu, baki debit Akaun Amanah Disatukan berjaya dikurangkan sejumlah RM333.98 juta antaranya berikutan pengurangan baki defisit bagi Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM92.81 juta atau 3.6%, peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM98.83 juta atau 679.7% disebabkan oleh pengurangan baki debit bagi pendahuluan diri sejumlah RM105.12 juta atau 57.3% dan peningkatan baki Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas sejumlah RM200 juta pada tahun 2017.

4.3. WANG AWAM

4.3.1 Pelaburan

4.3.1.1. Pelaburan Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk simpanan tetap dan deposit dengan institusi kewangan yang diluluskan. Pelaburan yang dibuat adalah daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan diambil kira pada nilai

buku. Kedudukan Pelaburan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3
PELABURAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	PELABURAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	2,508.00	1,998.21	509.79	25.5
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	2.06	2.06	0.00	0.0
JUMLAH		2,510.06	2,000.27	509.79	25.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.3.1.2. Pelaburan terdiri daripada deposit dengan bank perdagangan tempatan dan Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM2.51 bilion dan RM2.06 juta. Pelaburan pada akhir tahun 2017 berjumlah RM2.51 bilion iaitu meningkat sejumlah RM509.79 juta atau 25.5% berbanding baki RM2 bilion pada tahun 2016. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menerima faedah daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM112.67 juta. Trend pelaburan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.4**.

JADUAL 4.4
PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	PELABURAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	2,122.21	2,126.21	1,486.84	1,998.21	2,508.00
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	1.76	1.96	2.06	2.06	2.06
JUMLAH		2,123.97	2,128.17	1,488.90	2,000.27	2,510.06

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

- a. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 (a), Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan mencatatkan surplus sejumlah RM56.66 juta iaitu menurun sejumlah RM9.92 juta atau 14.9% berbanding surplus pada tahun 2016 yang berjumlah RM66.58 juta seperti **Jadual 4.5**.

JADUAL 4.5
PRESTASI KEWANGAN AKAUN HASIL
DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	3,740.81	3,674.23	66.58	1.8
Hasil	3,887.05	3,442.61	444.44	12.9
Perbelanjaan Mengurus	3,830.39	3,376.03	454.36	13.5
Surplus	56.66	66.58	-9.92	-14.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,797.47	3,740.81	56.66	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

- c. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.6**. Baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.6
PRESTASI AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	3,610.70	3,635.21	3,672.83	3,674.23	3,740.81
Hasil	4,343.61	4,541.53	3,513.55	3,442.61	3,887.05
Perbelanjaan Mengurus	4,319.10	4,503.91	3,512.15	3,376.03	3,830.39
Surplus	24.51	37.62	1.40	66.58	56.66
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,635.21	3,672.83	3,674.23	3,740.81	3,797.47

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1. Hasil

- 4.4.1.1. Hasil Kerajaan Negeri Sabah dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2017 adalah lebih tinggi berbanding anggaran disemak sejumlah RM110.76 juta atau 9.8% seperti **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.7
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN YANG DISEMAK

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,134.02	1,244.78	110.76	9.8
2.	Hasil Bukan Cukai	2,138.17	2,241.26	103.09	4.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	402.55	401.01	-1.54	-0.4
JUMLAH		3,674.74	3,887.05	212.31	5.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

- 4.4.1.2. Pada tahun 2017, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM3.89 bilion iaitu meningkat sejumlah RM444.44 juta atau 12.9% berbanding kutipan hasil pada tahun 2016 yang berjumlah RM3.44 bilion. Hasil Cukai telah meningkat sejumlah RM120.37 juta atau 10.7% menjadi RM1.24 bilion

berbanding RM1.12 bilion pada tahun 2016. Hasil Bukan Cukai juga meningkat sejumlah RM336.12 juta atau 17.6% menjadi RM2.24 bilion berbanding RM1.91 bilion pada tahun 2016. Sementara kutipan Terimaan Bukan Hasil pula telah menurun sejumlah RM12.05 juta atau 2.9% kepada RM401.01 juta berbanding RM413.06 juta pada tahun 2016. Peningkatan dan penurunan hasil pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,244.78	1,124.41	120.37	10.7
2.	Hasil Bukan Cukai	2,241.26	1,905.14	336.12	17.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	401.01	413.06	-12.05	-2.9
JUMLAH		3,887.05	3,442.61	444.44	12.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.4.1.3. Analisis Audit selanjutnya terhadap kutipan hasil pada tahun 2016 mendapati kutipan bagi 55 butiran hasil telah meningkat sejumlah RM709.32 juta. Manakala kutipan bagi 45 butiran hasil telah menurun sejumlah RM264.88 juta. Lima (5) butiran hasil yang meningkat dengan ketara pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.9**. Manakala lima (5) butiran hasil yang menurun dengan ketara pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.10**. Berikut adalah analisis justifikasi peningkatan dan penurunan tersebut.

JADUAL 4.9
JUSTIFIKASI PENINGKATAN LIMA (5) HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Bukan Cukai – Royalti Petroleum (Kementerian Kewangan)	1,246.44	787.83	458.61	58.2	Pengeluaran minyak dan gas masing-masing meningkat sebanyak 23% dan 113%. Pada tahun 2017, pengeluaran minyak mentah bagi penerimaan royalti adalah kira-kira 95 juta tong berbanding 77 juta tong pada tahun 2016. Kuantiti pengeluaran gas pula adalah melebihi 316 MMBTU berbanding 148 MMBTU sahaja pada tahun 2016. Kenaikan harga purata minyak mentah daripada USD46 pada tahun 2016 kepada USD53 pada tahun 2017 turut memberi impak positif terhadap peningkatan hasil royalti petroleum. Harga purata gas asli juga telah meningkat kira-kira 47%. Di samping itu, kadar pertukaran USD/RM yang lebih tinggi menyebabkan terimaan royalti lebih tinggi pada tahun 2017.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
2.	Hasil Cukai - Cukai Jualan atas Minyak Kelapa Sawit (Kementerian Kewangan)	1,038.64	934.31	104.33	11.2	Peningkatan disebabkan oleh peningkatan harga purata minyak mentah daripada RM2,519.46 setong pada tahun 2016 kepada RM2,852.21 setong pada tahun 2017. Selain itu, penjualan minyak sawit juga meningkat sebanyak 6% daripada RM4.80 juta kepada RM5.10 juta pada tahun 2017.
3.	Hasil Bukan Cukai – Premium dari Jualan Tanah - Umum (Jabatan Tanah dan Ukur)	177.88	128.91	48.97	37.9	Premium tanah adalah hasil yang diperolehi melalui permohonan tanah atas syarat pajakan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2017, kutipan hasil premium daripada jualan tanah adalah sejumlah RM177.88 juta berbanding RM128.91 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan pembayaran premium untuk pembangunan oleh sebuah syarikat swasta berjumlah RM46 juta.
4.	Hasil Bukan Cukai - Faedah dari Pinjaman- pinjaman kepada Perbadanan – perbadanan Awam (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	20.11	0.54	19.57	3,624.1	Pada tahun 2017, faedah daripada pinjaman telah diterima daripada Tabin Wildlife Holding Sdn. Bhd. sejumlah RM3,211.43, Borneo Development Corporation sejumlah RM400.00, KKIP sejumlah RM7.50 juta dan Sabah Air Aviation Sdn. Bhd. sejumlah RM2.20 juta. Selain itu, terdapat penstrukturan semula pinjaman SAFMA berjumlah RM10 juta.
5.	Hasil Bukan Cukai - Pembahagian Badan- badan Berkanun (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	15.00	0.00	15.00	100.0	Pembahagian dividen diterima daripada Perbadanan Pinjaman Sabah sejumlah RM14 juta dan Koperasi Pembangunan Desa sejumlah RM1 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

JADUAL 4.10
JUSTIFIKASI PENURUNAN LIMA (5) HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Bukan Cukai - Pembahagian Perbadanan - perbadanan Awam (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	125.43	286.23	-160.80	-56.2	Dalam tahun 2016, cukai dividen untuk Tahun Taksiran 2012 telah diterima sebahagian besar oleh Kerajaan Negeri dari Lembaga hasil dalam Negeri berjumlah RM182 juta. Manakala dalam tahun 2017, Kerajaan Negeri hanya menerima baki cukai dividen Tahun Taksiran 2012 tersebut sejumlah RM59.38 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai - Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan (Jabatan Perhutanan)	153.38	180.84	-27.46	-15.2	Penurunan disebabkan oleh penurunan pengeluaran balak bagi tahun 2017 atas faktor cuaca di mana kadar penurunan hujan di negeri

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
						Sabah bagi tahun 2017 adalah agak tinggi dan telah menjejaskan aktiviti pembalakan.
3.	Terimaan Bukan Hasil – Perolehan daripada Pemindahan Pinjaman kepada Kumpulanwang Badan-badan Berkanun dan Lain-lain (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	1.06	24.69	-23.63	-95.7	Had siling Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan berkanun dan lain-lain adalah RM30 juta. Perolehan daripada pemindahan pinjaman kepada agensi Kerajaan adalah rendah kerana baki Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan berkanun dan lain-lain pada 31 Disember 2017 telah mencecah RM29.99 juta.
4.	Terimaan Bukan Hasil – Sumbangan kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan (Jabatan Kerja Raya)	57.29	76.39	-19.10	-25.0	Tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah pada kadar 12% mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.2. Amaun yang diterima daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2017 adalah berjumlah RM57.29 juta.
5.	Hasil Bukan Cukai – Pelbagai Hasil Air (Jabatan Air)	6.12	13.03	-6.91	-53.0	Hasil ini merupakan fi pembangunan yang dibayar oleh kontraktor/individu untuk menyambung bekalan air. Pada tahun 2017, Jabatan Air Negeri Sabah tidak mampu untuk membekalkan bekalan air untuk penyambungan air yang baru terutama di kawasan Kota Kinabalu maka permohonan oleh kontraktor/individu terpaksa ditolak menyebabkan Pelbagai Hasil Air menunjukkan penurunan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017


4.4.1.4. Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan kutipan hasil telah meningkat pada tahun 2014 dan 2017 manakala menurun pada tahun 2015 dan 2016. Trend kutipan hasil bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.11** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.11
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	1,176.45	1,238.94	1,084.17	1,124.41	1,244.78
2.	Hasil Bukan Cukai	2,764.06	1,881.94	1,983.70	1,905.14	2,241.26
3.	Terimaan Bukan Hasil	403.10	1,420.65	445.68	413.06	401.01
JUMLAH		4,343.61	4,541.53	3,513.55	3,442.61	3,887.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2013 hingga 2017

CARTA 4.1
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Cukai Jualan, Royalti Petroleum, Hasil Tanah, Hasil Hutan dan Hasil Air. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM3.07 bilion atau 78.9% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2017 berbanding kutipan berjumlah RM2.49 bilion atau 72.3% dalam tahun 2016 seperti **Jadual 4.12**. Manakala trend kutipan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.13**.

JADUAL 4.12
SUMBANGAN UTAMA KE ATAS HASIL KUTIPAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017		2016	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Royalti Petroleum	1,246.44	32.1	787.83	22.9
2.	Cukai Jualan	1,116.85	28.7	1,012.59	29.4
3.	Hasil Tanah	267.19	6.9	213.71	6.2
4.	Hasil Air	236.44	6.1	247.98	7.2
5.	Hasil Hutan	200.99	5.2	225.43	6.5
JUMLAH		3,067.91	78.9	2,487.54	72.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

JADUAL 4.13
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Royalti Petroleum	975.34	978.54	961.94	787.83	1,246.44
2.	Cukai Jualan	1,107.47	1,167.42	992.12	1,012.59	1,116.85
3.	Hasil Tanah	275.66	238.54	226.07	213.71	267.19

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
4.	Hasil Air	156.64	170.72	213.91	247.98	236.44
5.	Hasil Hutan	181.59	185.55	189.40	225.43	200.99
JUMLAH		2,696.70	2,740.77	2,583.44	2,487.54	3,067.91

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti gaji dan elaun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, elaun/ganjaran/pencen ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran dengan perintah mahkamah. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah yang diperuntukkan mengikut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 berjumlah RM3.83 bilion berbanding RM3.38 bilion pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM454.36 juta atau 13.5%. Pada keseluruhannya, peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 disebabkan peningkatan terhadap perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain masing-masing sejumlah RM15.18 juta, RM83.02 juta, RM44.82 juta dan RM375.09 juta berbanding penurunan perbelanjaan Aset sejumlah RM63.75 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 mengikut lima (5) butiran perbelanjaan adalah seperti **Jadual 4.14**.

JADUAL 4.14
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	711.91	696.73	15.18	2.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,056.16	973.14	83.02	8.5
3.	Aset	228.97	292.72	-63.75	-21.8
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	662.95	618.13	44.82	7.3
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,170.40	795.31	375.09	47.2
JUMLAH		3,830.39	3,376.03	454.36	13.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.4.2.2. Pada tahun 2017, peruntukan asal yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM3.78 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM706.19 juta menjadi RM4.49 bilion sebelum pindahan. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2017

berjumlah RM3.83 bilion iaitu lebih rendah daripada anggaran disemak sejumlah RM5.29 bilion atau 27.6%. Peratus keseluruhan perbelanjaan berbanding anggaran pula ialah 72.4% seperti **Jadual 4.15**.

JADUAL 4.15
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN YANG DISEMAK BAGI TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN ATAS ANGGARAN (%)
1.	Emolumen	749.03	711.91	-37.12	95.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,239.08	1,056.16	-182.92	85.2
3.	Aset	347.69	228.97	-118.72	65.9
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	704.63	662.95	-41.68	94.1
5.	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	2,250.50	1,170.40	-1,080.10	52.0
JUMLAH		5,290.93	3,830.39	-1,460.54	72.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

4.4.2.3. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mengurus mendapati lima (5) butiran perbelanjaan telah meningkat dengan ketara antara RM30.02 juta hingga RM234 juta. Manakala lima (5) butiran perbelanjaan telah menurun dengan ketara antara RM16.44 juta hingga RM47.15 juta. Justifikasi adalah seperti **Jadual 4.16** dan **Jadual 4.17**.

JADUAL 4.16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain – Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah (Kementerian Kewangan)	800.00	566.00	234.00	41.3	Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan ini adalah merupakan satu usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengimbangi defisit dalam Kumpulan Wang Pembangunan.
2.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain – Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah Khas (<i>Sinking Fund</i>) untuk Bayaran Balik Bon (Kementerian Kewangan)	200.00	2.00	198.00	9,900.0	Peruntukan di bawah vot ini adalah untuk menampung bayaran balik bon sejumlah RM1 bilion yang akan matang pada tahun 2019. Caruman dibuat berdasarkan kepada keupayaan kewangan kerajaan Negeri dan pada tahun 2017, Kerajaan Negeri berupaya mencarum sejumlah RM200 juta ke dalam akaun amanah tersebut.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti (Jabatan Air Negeri Sabah)	217.03	137.19	79.84	58.2	Peningkatan disebabkan oleh peningkatan penggunaan elektrik bagi mengeoperasikan sebanyak 69 Loji Rawatan Air di seluruh daerah Negeri Sabah.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Pemberian Dalam Negeri (Kementerian Kewangan)	43.06	2.69	40.37	1,500.7	Peningkatan ketara ini disebabkan hasrat Kerajaan Negeri yang telah dicetuskan oleh YAB Ketua Menteri untuk menyediakan dana/ peruntukan yang memberi manfaat kepada kelompok masyarakat tertentu yang tidak tergolong dalam program biasa atau sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi. Penyediaan peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program untuk rakyat dan kumpulan sasar.
5.	Perkhidmatan dan Bekalan – Perhubungan dan Utiliti (Jabatan Air Negeri Sabah)	69.96	39.94	30.02	75.2	*Sebahagian bayaran kontrak tahun 2016 hanya dapat dibayar pada tahun 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

Nota: *Bayaran kontrak *Outsource* dan konsesi Jabatan Air Negeri Sabah pada tahun 2016 tidak dapat diproses disebabkan dokumen berkaitan telah diambil pada bulan Oktober 2016 oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan.

JADUAL 4.17
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain – Pembayaran Kepada Konsesi Air (Jabatan Air Negeri Sabah)	37.83	84.98	-47.15	-55.5	Pada tahun 2016, sejumlah RM28 juta daripada RM84.98 juta merupakan jumlah bayaran tunggakan konsesi air kepada Jetama Air. Manakala tiada bayaran tunggakan berlaku pada tahun 2017.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli (Jabatan Air Negeri Sabah)	10.69	50.32	-39.63	-78.8	Perolehan kerja kecemasan dan sebutharga pada tahun 2017 dilakukan mengikut khidmat nasihat SPRM di mana kadar harga dikaji semula sebelum bayaran diluluskan. Jawatankuasa Kerja Kecemasan/ Sebutharga ditubuhkan untuk memeriksa kadar harga sebelum proses pembayaran dan ini menyumbang kepada kelewatan pembayaran serta sebahagian besar tuntutan tahun 2017 tidak dapat diproses untuk pembayaran pada tahun tersebut.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
3.	Aset – Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan (Perbelanjaan untuk penyediaan infrastruktur)	14.26	42.31	-28.05	-66.3	Pada tahun 2017, Jawatankuasa Infrastruktur Sokongan telah memutuskan untuk mengenakan kawalan perbelanjaan dengan mengurangkan peruntukan serta perbelanjaan di bawah vot ini. Pada masa yang sama, ianya adalah untuk menggalakkan pihak Pejabat Daerah untuk mendapatkan dana daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah/Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Negeri Sabah dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga beberapa waran peruntukan yang telah dikeluarkan kepada Pejabat Daerah tetapi tidak sempat dibayar pada tahun 2017
4.	Aset – Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan (Program penyenggaraan dan menaik taraf jalan raya, jambatan akibat ribut/banjir)	10.66	28.79	-18.13	-63.0	Pada tahun 2017, Jawatankuasa Penyenggaraan dan Menaiktaraf Jalan Raya telah memutuskan untuk mengenakan kawalan perbelanjaan dengan mengurangkan peruntukan serta perbelanjaan di bawah vot ini. Pada masa yang sama, ianya adalah untuk menggalakkan pihak Pejabat Daerah untuk mendapatkan dana daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah/Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Negeri Sabah dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga beberapa waran peruntukan yang telah dikeluarkan kepada Pejabat Daerah tetapi tidak sempat dibayar pada tahun 2017.
5.	Aset – Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan (Bangunan Kerajaan)	35.26	51.70	-16.44	-31.8	Peruntukan untuk pembayaran berkurangan disebabkan oleh Bangunan PPNS yang hampir siap sepenuhnya pada

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
						tahun 2017. Perbelanjaan adalah berdasarkan permohonan daripada Jabatan Kerja Raya.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017


4.4.2.4. Analisis perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2014 dan 2017 manakala menurun pada tahun 2015 dan 2016. Perbelanjaan Kerajaan Negeri yang terbesar dalam tempoh tersebut adalah Perkhidmatan dan Bekalan yang berjumlah RM5.20 bilion. Ini diikuti oleh Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM4.44 bilion, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM3.79 bilion, Emolumen berjumlah RM3.47 bilion dan Aset berjumlah RM2.65 bilion. Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.18** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.18
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Emolumen	670.02	691.04	698.39	696.73	711.91
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,041.77	1,072.19	1,053.53	973.14	1,056.16
3.	Aset	1,252.17	485.48	389.27	292.72	228.97
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	626.39	1,217.98	660.66	618.13	662.95
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	728.75	1,037.22	710.30	795.31	1,170.40
JUMLAH		4,319.10	4,503.91	3,512.15	3,376.03	3,830.39

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.2
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.2.5. Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM90.05 juta melibatkan 2,794 baucar bayaran telah dibuat pada tahun 2017 oleh 64 Kementerian/Jabatan berbanding RM70.29 juta telah dibuat pada tahun 2016 oleh 65 Kementerian/Jabatan. Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM61.54 juta atau 68.3% daripada RM90.05 juta perbelanjaan di bawah AP58(a) adalah daripada Jabatan Air Negeri Sabah. Sejumlah RM23.22 juta merupakan bayaran kepada konsesi air dan RM33.67 juta adalah bayaran perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain oleh Jabatan Air Negeri Sabah. Perbelanjaan lain yang dibayar di bawah AP58(a) antaranya adalah untuk pembaikan/penyelenggaraan bangunan oleh Jabatan Kerja Raya, penyelenggaraan dan pembaikan gerabak serta pengangkutan barang oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah, pembaikan dan bayaran perkhidmatan oleh Jabatan Tanah dan Ukur serta Kementerian Belia dan Sukan. Butiran pembayaran di bawah AP58(a) adalah seperti **Jadual 4.19**. Antara sebab bayaran di bawah AP58(a) ini dibuat antaranya tuntutan bayaran lewat diterima daripada daerah, pejabat cawangan/pembekal lewat mengemukakan bil/invois kepada pejabat pembayar dan baucar bayaran dikuiiri menyebabkan proses pembayaran lewat dilakukan.

JADUAL 4.19
KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(A) PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN		JUMLAH (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2017	2016	2017	2016	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	258	122	61.54	31.04	30.50	98.3
2.	Jabatan Kerja Raya	107	179	11.43	13.67	-2.24	-16.4
3.	Jabatan Keretapi Negeri Sabah	41	31	2.71	0.22	2.49	1,131.8
4.	Kementerian Belia dan Sukan	202	138	1.64	0.53	1.11	209.4
5.	Jabatan Tanah dan Ukur	351	48	1.48	0.69	0.79	114.5
6.	Lain-Lain (59)	1,835	2,181	11.25	24.14	-12.89	-53.4
JUMLAH		2,794	2,699	90.05	70.29	19.76	28.1

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah akaun yang digunakan untuk mengakaun penerimaan pinjaman sebelum dipindahkan ke Kumpulan Wang/Akaun yang berkaitan. Pada tahun 2017, pinjaman sejumlah RM220.34 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air dan pelbagai. Pinjaman yang diperolehi telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Oleh itu, pada akhir tahun 2017, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki kosong.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Wang Deposit. Pada akhir tahun 2017, Akaun Amanah Disatukan berbaki debit berjumlah RM994.17 juta berbanding baki debit berjumlah RM1.33 bilion pada tahun 2016 iaitu penurunan baki debit sejumlah RM333.98 juta atau 25.1%.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966). Punca kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, imbuhan balik dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan serta terimaan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan dana pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek pembangunan Negeri.
- b. Pada tahun 2017, penerimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM1.09 bilion. Sejumlah RM800 juta adalah caruman daripada Anggaran Perbekalan, sejumlah RM220.34 juta daripada Pinjaman Persekutuan, sejumlah RM35.83 juta merupakan bayaran balik pemberian Persekutuan dan sejumlah RM34.17 juta merupakan hasil pembangunan yang lain. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM800 juta untuk menampung perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 melalui Anggaran Perbekalan. Terimaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2017 berjumlah

RM1.09 bilion dapat menampung keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM997.54 juta menyebabkan Kumpulan Wang Pembangunan mengalami surplus berjumlah RM92.80 juta. Surplus tersebut menyebabkan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM92.80 juta kepada defisit RM2.51 bilion berbanding defisit berjumlah RM2.60 bilion pada tahun 2016 seperti **Jadual 4.20**. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.20
BAKI AKAUN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-2,603.89	-2,570.50	-33.39	1.3
Terimaan	1,090.34	959.11	131.23	13.7
Bayaran	997.54	992.50	5.04	0.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	-2,511.09	-2,603.89	92.80	-3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

JADUAL 4.21
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-2,108.22	-2,515.31	-2,347.02	-2,570.50	-2,603.89
Terimaan	666.82	1,183.28	895.60	959.11	1,090.34
Bayaran	1,073.91	1,014.99	1,119.08	992.50	997.54
Surplus / (-) Defisit	-407.09	168.29	-223.48	-33.39	92.80
BAKI PADA 31 DISEMBER	-2,515.31	-2,347.02	-2,570.50	-2,603.89	-2,511.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.6.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada lima (5) komponen utama iaitu Akaun Semasa Antara Pentadbiran, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka. Pada akhir tahun 2017, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menunjukkan baki sejumlah RM113.37 juta berbanding sejumlah RM14.54 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM98.83 juta atau 679.7%. Analisis Audit mendapati peningkatan disebabkan oleh penurunan baki debit akaun pendahuluan diri di mana baki debit Akaun Pendahuluan Diri telah menurun sejumlah RM105.12 juta daripada baki debit sejumlah RM183.60 juta kepada baki debit sejumlah RM78.48 juta. Selain itu, peningkatan juga antaranya disebabkan oleh Kumpulan Wang Amanah Stor dan Kerja Tak Beruntuk meningkat sejumlah RM1.09 juta atau 46% dan Kumpulan Wang Pinjaman

Kepada Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Lain sejumlah RM8.67 juta atau 40.7%.

a. Kumpulan Wang Jalan-jalan Raya dan Jambatan-jambatan (Pengendalian dan Penyenggaraan)

- i. Kumpulan Wang ini ditubuhkan pada awal bulan Januari 1994 di bawah Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) untuk mengakaunkan penerimaan dan pembayaran berhubung kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan Kerajaan Negeri.
- ii. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM617.66 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri menurun sejumlah RM13.42 juta atau 25.3% menjadi RM39.65 juta berbanding RM53.07 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan berjumlah RM631.08 juta adalah lebih tinggi berbanding terimaan yang berjumlah RM617.66 juta. Sejumlah RM631.08 juta daripada akaun ini dibelanjakan oleh Jabatan Kerja Raya untuk menyelenggara jalan raya Negeri sepanjang 15,021.42 kilometer pada tahun 2017 berbanding 11,380.72 kilometer pada tahun 2016. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	53.07	33.20	19.87	59.9
Terimaan	617.66	599.67	17.99	3.0
Perbelanjaan	631.08	579.80	51.28	8.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	13.42	53.07	-13.42	-25.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 Hingga 2016

- iii. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.23** dan **Carta 4.3**.


JADUAL 4.23
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
JALAN-JALAN RAYA DAN JAMBATAN-JAMBATAN
(PENGENDALIAN DAN PENYENGGAARAAN) BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (Juta)	PERBELANJAAN SEMASA (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2013	46.59	542.79	581.67	7.71	107.2
2014	7.71	572.93	568.77	11.87	99.3
2015	11.87	565.73	544.40	33.20	96.2

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (Juta)	PERBELANJAAN SEMASA (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2016	33.20	599.67	579.80	53.07	96.7
2017	53.07	617.66	631.08	13.42	102.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2013 BERBANDING 2017



b. Akaun Pendahuluan Diri

- i. Akaun Pendahuluan Diri diwujudkan bagi maksud mengakaun pendahuluan wang kepada pegawai untuk keperluan menjalankan tugas rasmi, pendahuluan gaji sementara menunggu surat pelantikan dan pendahuluan diri (pelbagai). Peruntukan bagi Akaun Pendahuluan Diri berjumlah RM12 juta. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2017, Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri menunjukkan baki debit sejumlah RM78.48 juta. Baki debit pada tahun 2017 telah berjaya dikurangkan sejumlah RM105.12 juta atau 57.3% berbanding baki debit berjumlah RM183.60 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan peruntukan tambahan sejumlah RM171.02 juta telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan Ogos 2017 bagi menyelesaikan sebahagian baki debit Akaun Pendahuluan Diri.

- ii. Sejumlah RM38.83 juta atau 50% daripada keseluruhan baki penghutang yang berjumlah RM78.48 juta merupakan pendahuluan diri bagi Lain-lain/ Pelbagai. Analisis Audit selanjutnya dibuat terhadap Pendahuluan Diri Lain-lain/Pelbagai dan mendapati perkara seperti berikut:
- Pendahuluan ini termasuk pendahuluan diri bagi perbelanjaan mengurus yang dibayar melalui Akaun Pendahuluan Diri kerana peruntukan tahun semasa tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang telah komited. Selain itu, pendahuluan pelbagai juga termasuk pendahuluan diri yang diambil untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan di mana peruntukan tahun semasa tidak disediakan/tidak mencukupi. Kedua-dua pendahuluan diri ini dilaksanakan dengan kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 54 dan 55.
 - Berdasarkan kepada Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2014, pendahuluan diri yang diambil hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin menggunakan peruntukan tahun semasa, pindah peruntukan atau memohon peruntukan tambahan. Akaun Pendahuluan Diri pada 1 Januari 2017 adalah berbaki debit berjumlah RM183.60 juta. Dalam tempoh tahun 2017 Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan pendahuluan diri baru sejumlah RM112.79 juta menjadikan jumlah Akaun Pendahuluan Diri mencecah kepada RM296.39 juta. Dalam tahun 2017, sejumlah RM217.91 juta pendahuluan diri diselesaikan oleh 55 Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah menjadikan baki Akaun Pendahuluan Diri pada 31 Disember 2017 adalah berbaki debit RM78.48 juta. Daripada RM78.48 juta ini, sejumlah RM39.65 juta merupakan pendahuluan untuk kerja-kerja kecemasan di bawah AP 55 oleh tiga (3) jabatan yang belum diselesaikan dalam tahun 2017.

4.6.1.3. Akaun Kena Bayar

- a. Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada bulan Disember yang perlu dijelaskan pada bulan Januari tahun berikutnya. Baucar Akaun Kena Bayar bagi semua Kementerian/Jabatan dibayar melalui Jabatan Bendahari Negeri. Bagaimanapun, empat (4) Jabatan mengakaun sendiri dibenarkan untuk membuat bayaran bagi baucar bernilai kurang daripada RM50,000. Pada tahun 2017, Akaun Kena Bayar menurun sejumlah RM2.12 juta atau 1% kepada RM215.23 juta berbanding RM217.35 juta pada tahun 2016.

Secara keseluruhannya, pembayaran melalui Pelbagai Kementerian/Jabatan dan dua (2) Jabatan Mengakaun Sendiri iaitu Jabatan Perhutanan dan Jabatan Tanah dan Ukur telah menurun sejumlah RM10.70 juta. Manakala, Akaun Kena Bayar bagi Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pertanian telah meningkat masing-masing sejumlah RM6.66 juta atau 253.2% dan RM1.92 juta atau 134.3%. Peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar yang dibayar oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan empat (4) Jabatan Mengakaun Sendiri pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.24**.

JADUAL 4.24
AKAUN KENA BAYAR MENGIKUT JABATAN
PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	JABATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelbagai Kementerian/Jabatan	200.63	211.29	-10.66	-5.0
2.	Jabatan Kerja Raya	9.29	2.63	6.66	253.2
3.	Jabatan Pertanian	3.35	1.43	1.92	134.3
4.	Jabatan Perhutanan	1.31	1.33	-0.02	-1.5
5.	Jabatan Tanah dan Ukur	0.65	0.67	-0.02	-3.0
JUMLAH		215.23	217.35	-2.12	-1.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

- b. Semakan Audit terhadap 244 baucar bayaran Akaun Kena Bayar berjumlah RM67.16 juta mendapati pembayaran sejumlah RM10.02 juta bagi 63 baucar merupakan bil/tuntutan/Perintah Kerja Am (PKA) interim bagi bulan Julai 2017 hingga November 2017 yang sepatutnya telah diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan Disember 2017. Antara punca kelewatan bayaran adalah baucar bayaran lewat disediakan, bil/tuntutan lewat dihantar ke pejabat pembayar dan baucar bayaran dikuiri oleh Jabatan Bendahari Negeri.
- c. Akaun Kena Bayar untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.25**. Perbelanjaan akaun kena bayar bagi tahun 2017 adalah yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.25
AKAUN KENA BAYAR MENGIKUT JABATAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Pelbagai Kementerian/Jabatan	333.44	252.60	217.98	211.29	200.63
2.	Jabatan Kerja Raya	3.61	3.48	3.34	2.63	9.29
3.	Jabatan Pertanian	2.76	3.34	3.32	1.43	3.35
4.	Jabatan Perhutanan	4.67	2.95	1.37	1.33	1.31
5.	Jabatan Tanah dan Ukur	1.02	0.92	1.03	0.67	0.65
JUMLAH		345.50	263.29	227.04	217.35	215.23

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada 125 Akaun Amanah. Semakan Audit terhadap Kumpulan Wang Amanah Awam mendapati perkara berikut:

4.6.2.1. Kumpulan Wang Khas

Pada akhir tahun 2017, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah meluluskan penubuhan Tabung Wang Amanah Khas Bagi Bayaran Balik Bon berjumlah RM2 juta. Kumpulan Wang Amanah Khas ini ditubuhkan untuk mengakaunkan sebarang jumlah caruman yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Undangan Negeri bagi tujuan Kumpulan wang tersebut melalui Bajet Negeri tahunan dan faedah yang diterima daripada caruman yang dilaburkan melalui *sinking fund account*. Pada tahun 2017, sejumlah RM200 juta telah dicarum ke kumpulan wang amanah ini menjadikan baki pada akhir tahun 2017 berjumlah RM202 juta.

4.6.2.2. Akaun Amanah Pelbagai

- a. Akaun Amanah Pelbagai ditubuhkan untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri di samping peruntukan yang ditetapkan. Pada akhir tahun 2017, Akaun Amanah Pelbagai telah menurun sejumlah RM99.88 juta atau 14.1% kepada RM606.65 juta pada tahun 2017 berbanding RM706.53 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan pengurangan baki sejumlah RM159.06 juta oleh 46 akaun amanah berbanding penambahan hanya sejumlah RM59.18 juta terhadap 35 akaun amanah manakala sebanyak 52 baki akaun amanah tidak berubah.
- b. Pada tahun 2017 Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan sembilan (9) Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 yang dikendalikan oleh tujuh (7) Jabatan. Baki Akaun Amanah tersebut pada akhir tahun berjumlah RM18.68 juta seperti **Jadual 4.26**.

JADUAL 4.26
AKAUN AMANAH YANG BARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2017

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN PENUBUHAN	BAKI (RM)
1.	Pegarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah	Program Rumah Panjang dan Program Skim Pinjaman Rumah untuk Golongan Berpendapatan Rendah	Untuk mengakaun wang penyaluran waran peruntukan geran RM10 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi program Rumah Panjang dan Program Skim Pinjaman Rumah untuk Golongan Berpendapatan Rendah	10,000,000
2.		Kajian Pembangunan Wilayah Selatan Sabah	Untuk mengakaun penyaluran waran peruntukan RM4 juta	4,000,000

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN PENUBUHAN	BAKI (RM)
			daripada Jabatan Perdana Menteri (UPE) bagi kajian Pembangunan Wilayah Selatan Sabah.	
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Jabatan Ketua Menteri	Akaun Amanah Pelbagai	Untuk menerima peruntukan Kerajaan, sumbangan dari mana-mana pihak sama ada perseorangan, pihak swasta, institut-institut atau mana-mana entiti dari dalam dan luar negara bagi aktiviti membiayai pelaksanaan apa-apa aktiviti yang dimaksudkan bagi setiap peruntukan atau sumbangan tersebut sebelum perbelanjaan sebenar dilakukan.	1,649,632
4.	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sabah	Akaun Amanah Pelbagai	Untuk mengaun terimaan dan perbelanjaan dalam melaksanakan program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani di bawah lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan – FAMA.	1,780,741
5.	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perkhidmatan Ternak (JPHPT)	Projek Kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan Kerbau Antara JPHPT dengan MOSTI	Untuk mengaun penyaluran wang peruntukan NIBM MOSTI bagi Projek Kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan Kerbau Antara JPHPT dengan MOSTI.	360,084
6.		Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Kerjasama Antara JPHPT Dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Untuk mengaun penyaluran peruntukan JPK bagi Program Sistem Latihan dual Nasional Kerjasama antara JPHPT dengan JPK.	520
7.	Pengarah Perhutanan Sabah	Tabung Penyelidikan Hutan	Untuk mengaun penerimaan wang sumbangan daripada pihak NGO dan individu bagi tujuan penyelidikan, pembangunan sumber manusia, gaji dan sebagainya.	832,106
8.	Pengarah Jabatan Muzium Sabah	Akaun Amanah Untuk Menyertai Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Untuk melaksanakan Program/Aktiviti Permuziuman (Pameran dan Penyelidikan) Jabatan Muzium Negeri Sabah	Untuk mengaun wang peruntukan yang diterima daripada Jabatan Muzium Malaysia untuk menyertai Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat kebangsaan dan untuk melaksanakan Program/Aktiviti Permuzium (Pameran dan Penyelidikan) Jabatan Muzium Negeri Sabah.	54,050
9.	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah	Program Sistem Latihan Dual Nasional	Untuk mengaun wang penyaluran peruntukan daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran serta Insentif Pusat Latihan, Insentif syarikat SLDN dan Elaun perantis SLDN bagi Program SLDN.	1,410
JUMLAH				18,678,543

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017

4.6.2.3. Akaun Amanah yang Ditutup

Pada tahun 2017, enam (6) Akaun Amanah Pelbagai sejumlah RM1,880 telah mendapat kelulusan untuk ditutup seperti **Jadual 4.27**.

JADUAL 4.27
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP


BIL.	AKAUN AMANAH PELBAGAI	KELULUSAN PENUTUPAN AKAUN AMANAH PELBAGAI (RM)
1.	Projek Pembangunan Pertanian Komersial Berasaskan Padi di Kota Belud	1,752
2.	Akaun Khas Bencana Alam/Kecemasan Pejabat Daerah Kuala Penyu	128
3.	Akaun Khas Bencana Alam/Kecemasan Pejabat Daerah Semporna	0
4.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan 2010	0
5.	Pengisian Galeri Warisan Arkeologi Bukit Tengkorak, Semporna dan Papan-papan Tanda Untuk Galeri Warisan Nisan Pulau Omdai, Semporna	0
6.	Pungutan SES Penyelidikan Getah	0
JUMLAH		1,880

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

4.6.3. Akaun Deposit

Pada akhir tahun 2017, deposit terdiri daripada 25 akaun berjumlah RM379.66 juta. Jumlah ini meningkat sejumlah RM44.34 juta atau 13.2% berbanding RM335.32 juta pada tahun 2016. Punca utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan akaun Deposit Am sejumlah RM44.50 juta menjadi RM351.20 juta pada tahun 2017 berbanding RM306.70 juta pada tahun 2016. Analisis Audit terhadap Deposit Am mendapati antara deposit yang meningkat dengan ketara pada tahun 2017 adalah Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan meningkat sejumlah RM24.79 juta atau 543.6% daripada sejumlah RM4.56 juta menjadi RM29.35 juta disebabkan oleh pengkelasan semula akaun daripada Akaun Deposit Pelbagai ke kod 740002. Selain itu, Wang Jaminan Pelaksanaan Daripada pihak kontraktor meningkat sejumlah RM5.97 juta atau 104% daripada sejumlah RM5.74 juta menjadi RM11.71 juta. Deposit daripada pelepasan jaminan Bank Pemaju KKTP juga antara punca peningkatan Deposit Am dengan peningkatan sejumlah RM13.85 juta atau 14.5% daripada sejumlah RM95.26 juta menjadi RM109.11 juta. Ini disebabkan oleh Kementerian menerima wang deposit daripada pelepasan jaminan bank pemaju. Baki Akaun Deposit bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.4**.

CARTA 4.4
BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam pinjaman dan bantuan dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah.

4.7.2. Pada tahun 2017, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan surplus sejumlah RM149.46 juta iaitu meningkat sejumlah RM116.27 juta atau 350.3% berbanding sejumlah RM33.19 juta pada tahun 2016. Terimaan hasil Kerajaan Negeri yang ditunjukkan pada Penyata Prestasi Kewangan adalah termasuk terimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Terimaan hasil pada tahun 2017 berjumlah RM4.18 bilion iaitu meningkat sejumlah RM341.67 juta atau 8.9% berbanding terimaan hasil berjumlah RM3.84 bilion pada tahun 2016. Perbelanjaan mengurus juga meningkat sejumlah RM220.36 juta atau 7.8% kepada RM3.03 bilion pada tahun 2017 berbanding RM2.81 bilion pada tahun 2016. Perbelanjaan pembangunan juga turut meningkat sejumlah RM5.04 juta atau 0.5% kepada RM997.54 juta berbanding RM992.50 juta pada tahun 2016. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.28
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	4,177.39	3,835.72	341.67	8.9
Perbelanjaan Mengurus	3,030.39	2,810.03	220.36	7.8
Perbelanjaan Pembangunan	997.54	992.50	5.04	0.5
SURPLUS/DEFISIT	149.46	33.19	116.27	350.3
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	220.34	332.32	-111.98	-33.7
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	1.06	24.69	-23.63	-95.7
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-71.94	-323.82	251.88	-77.8
JUMLAH	149.46	33.19	116.27	350.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Awam, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi lain yang masih belum dibayar balik. Pada tahun 2017, baki pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.16 bilion iaitu meningkat sejumlah RM75.50 juta atau 7% berbanding RM1.08 bilion pada tahun 2016. Peningkatan disebabkan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pinjaman baru kepada empat (4) Agensi untuk 22 projek sejumlah RM85.24 juta di samping faedah dipermodalkan oleh dua (2) agensi sejumlah RM2.34 juta berbanding bayaran balik pinjaman oleh 11 Agensi hanya berjumlah RM12.08 juta pada tahun 2017. Butiran adalah seperti **Jadual 4.29**.

JADUAL 4.29
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
BAGI TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	JABATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Awam	392.40	367.16	25.24	6.9
2.	Badan Berkanun	760.12	709.76	50.36	7.1
3.	Agensi Lain	2.62	2.72	-0.10	-3.7
	JUMLAH	1,155.14	1,079.64	75.50	7.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.8.1.2. Analisis baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan baki pinjaman telah meningkat pada setiap tahun seperti ditunjukkan **Jadual 4.30**. Manakala **Jadual 4.31** menunjukkan pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017.

JADUAL 4.30
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	303.19	320.64	358.02	367.16	392.40
2.	Badan Berkanun	730.69	719.37	709.98	709.76	760.12
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Agensi Lain	3.35	3.05	2.84	2.72	2.62
JUMLAH		1,037.23	1,043.06	1,070.84	1,079.64	1,155.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

JADUAL 4.31
PERGERAKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	BAKI PINJAMAN 01.01.2017 (RM Juta)	PINJAMAN DIKELUARKAN DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2017 (RM Juta)
PERBADANAN AWAM					
1.	Perbadanan Pembangunan Borneo (Sabah) Sdn. Bhd.	36.00	0.00	0.60	35.40
2.	KKTP Sdn. Bhd.*	2.92	0.00	0.00	2.92
3.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.*	249.57	0.00	0.00	249.57
4.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	8.67	0.00	1.20	7.47
5.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.*	17.48	0.00	0.00	17.48
6.	Tabin Wildlife Sdn. Bhd.	0.16	0.00	0.16	0.00
7.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd. **	45.36	2.20	0.00	47.56
8.	Sipitang Oil & Gas Development Corporation Sdn. Bhd.*	7.00	0.00	0.00	7.00
9.	Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.**	0.00	25.00	0.00	25.00
JUMLAH		367.16	27.20	1.96	392.40
BADAN BERKANUN					
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	190.67	1.19	4.28	187.58
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	37.43	0.00	0.76	36.67
3.	Majlis Ugama Islam Sabah*	99.63	0.00	0.00	99.63
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah*	242.11	0.00	0.00	242.11
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	34.63	0.00	0.50	34.13
6.	Korporasi Pembangunan Desa	91.59	0.14	2.49	89.24
7.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	1.87	0.00	1.87	0.00
8.	Yayasan Usaha Maju**	2.00	2.00	0.00	4.00
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	4.13	0.00	0.12	4.01
10.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah**	5.70	57.05	0.00	62.75
JUMLAH		709.76	60.38	10.02	760.12

BIL.	AGENSI	BAKI PINJAMAN 01.01.2017 (RM Juta)	PINJAMAN DIKELUARKAN DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2017 (RM Juta)
AGENSI LAIN					
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	2.68	0.00	0.06	2.62
2.	Pertubuhan Peladang – Papar	0.04	0.00	0.04	0.00
JUMLAH		2.72	0.00	0.10	2.62
JUMLAH KESELURUHAN		1,079.64	87.58	12.08	1,155.14

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017

Nota : * Baki Pinjaman Boleh Tuntut pada 31 Disember 2017 Statik Berbanding Baki Tahun 31 Disember 2016

** Baki Pinjaman Boleh Tuntut pada 31 Disember 2017 Meningkatkan Berbanding Baki Tahun 31 Disember 2016

4.8.1.3. Pada tahun 2017, baki tunggakan bayaran balik pinjaman telah menurun sejumlah RM12 juta atau 1.5% menjadi RM802.32 juta berbanding RM814.32 juta pada akhir tahun 2016 seperti **Jadual 4.32**. Penurunan disebabkan oleh bayaran balik pinjaman dan penepian faedah pinjaman. Analisis Audit terhadap tunggakan bayaran balik bagi tahun 2013 hingga 2017 mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun seperti ditunjukkan **Jadual 4.33**.

JADUAL 4.32
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH TUNTUT TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2017 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2017 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2017 (RM Juta)	PELARASAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2017 (RM Juta)
PERBADANAN AWAM							
1.	KKTP Sdn. Bhd.*	3.15	0.00	3.15	0.00	0.00	3.15
2.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.**	139.98	17.13	157.11	-3.80	3.49	149.82
3.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	33.63	0.00	33.63	0.00	1.20	32.43
4.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.**	8.34	3.17	11.51	0.00	0.00	11.51
5.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.**	0.76	8.20	8.96	0.00	0.00	8.96
JUMLAH		185.86	28.5	214.36	-3.80	4.69	205.87
BADAN BERKANUN							
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	206.50	4.21	210.71	1.83	7.00	205.54
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	33.63	2.22	35.85	-8.74	1.02	26.09
3.	Majlis Ugama Islam Sabah**	38.93	3.50	42.43	0.00	0.00	42.43
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah**	173.53	1.47	175.00	0.00	0.00	175.00
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	35.12	0.00	35.12	-0.49	0.50	34.13
6.	Korporasi Pembangunan Desa	130.57	0.00	130.57	1.62	27.43	104.76
7.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	2.59	0.00	2.59	0.00	1.86	0.73
8.	Yayasan Usaha Maju*	2.00	0.00	2.00	0.00	0.00	2.00
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah**	1.73	0.40	2.13	0.00	0.12	2.01
JUMLAH		624.60	11.80	636.40	-5.78	37.93	592.69

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2017 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2017 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2017 (RM Juta)	PELARASAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2017 (RM Juta)
PIHAK BERKUASA TEMPATAN							
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu*	***0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	***0.00
2.	Lembaga Bandaran Kudat*	****0.01	0.00	0.01	0.00	0.00	****0.01
JUMLAH		0.01	0.00	0.01	0.00	0.00	0.01
AGENSI LAIN							
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	2.68	0.00	2.68	0.00	0.06	2.62
2.	Kelab Lumba Kuda Diraja Sabah*	1.13	0.00	1.13	0.00	0.00	1.13
3.	Pertubuhan Peladang – Papar	0.04	0.00	0.04	0.00	0.04	0.00
JUMLAH		3.85	0.00	3.85	0.00	0.10	3.75
JUMLAH KESELURUHAN		814.32	40.30	854.62	-9.58	42.72	802.32

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017

Nota : * Baki Pinjaman Boleh Tuntut pada 31 Disember 2017 Statik Berbanding Baki Tahun 31 Disember 2016

** Baki Pinjaman Boleh Tuntut pada 31 Disember 2017 Meningkatkan Berbanding Baki Tahun 31 Disember 2016

*** - RM2,948.43

**** - RM6,990.20

JADUAL 4.33
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH TUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	188.51	174.82	184.24	185.86	205.87
2.	Badan Berkanun	590.55	618.84	621.18	624.60	592.69
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	8.15	8.15	8.15	0.01	0.01
4.	Agensi Lain	4.51	4.18	3.97	3.85	3.75
JUMLAH		791.72	805.99	817.54	814.32	802.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.1.4. Semakan lanjut Audit terhadap tiga (3) agensi mendapati perkara seperti berikut:

a. Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS)

Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 pinjaman PPS telah diluluskan sebagai pinjaman bersubordinat (*surbordinated debt*) oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Program Sukuk 1.0 B pada tahun 2011, Program 1.5 B pada tahun 2014 dan juga Program 3.5 B pada tahun 2016. Pinjaman ini kekal berterusan berdasarkan tempoh matang Program Sukuk sehingga tahun 2039.

b. Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)

Pada tahun 2017, baki tunggakan pinjaman bagi LIGS adalah berjumlah RM34.13 juta mengikut Penyata C.3(A) merupakan baki tunggakan pinjaman pokok. LIGS telah membuat permohonan untuk menukar pinjaman kepada pemberian dan juga penepian terhadap faedah pinjaman. Kementerian

Kewangan telah memberikan kelulusan terhadap perkara ini seperti surat Kementerian Kewangan rujukan KEW100-0/48 Klt.2/(121) bertarikh 27 Februari 2015. Semakan Audit mendapati sejumlah RM500,000 telah di jurnal pada tahun 2017 terhadap Pinjaman Membiayai Skim Penempatan Getah Tuaran.

c. Majlis Ugama Islam (MUIS)

Baki tunggakan bayaran balik pinjaman MUIS adalah berjumlah RM38.93 juta yang merupakan tunggakan bayaran balik pokok sahaja. Semakan Audit mendapati MUIS dengan kerjasama Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Jabatan Kerja Raya sedang membuat pelarasan bayaran sewa pejabat Kementerian/Jabatan di bangunan MUIS untuk kontra dengan baki pinjaman.

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan ekuiti oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada 31 Disember 2017, pelaburan Kerajaan Negeri di 53 Perbadanan Awam dan tiga (3) Badan Berkanun berjumlah RM6.58 bilion. Jumlah ini meningkat sejumlah RM41.57 juta atau 0.6% berbanding RM6.54 bilion pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan ekuiti di Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd. sejumlah RM31.57 juta dan di Tanjung Aru Eco Development Sdn. Bhd. sejumlah RM10 juta.

4.8.2.2. Pelaburan melalui Perbadanan Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM752 juta dan RM5.82 bilion. Sehingga akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menerima dividen berjumlah RM81.05 juta daripada 13 Perbadanan Awam dan dua (2) Badan Berkanun. Kerajaan Negeri juga menerima sejumlah RM59.38 juta *Tax Credit* daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadikan keseluruhan dividen yang diterima pada tahun 2017 berjumlah RM140.43 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 dan jumlah pelaburan berbanding dividen diterima bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.34** dan **Carta 4.5**. Jumlah pelaburan pada tahun 2017 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.


JADUAL 4.34
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	PERBADANAN AWAM/ BADAN BERKANUN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
PERBADANAN KETUA MENTERI						
1.	Sawit Kinabalu Berhad	645.00	645.00	645.00	645.00	645.00
2.	K.K.I.P Sdn. Bhd.	104.00	104.00	107.00	107.00	107.00
JUMLAH		749.00	749.00	752.00	752.00	752.00

BIL.	PERBADANAN AWAM/ BADAN BERKANUN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
KERAJAAN NEGERI						
1.	Perbadanan Awam	4,366.11	4,364.76	4,429.79	4,755.71	4,797.28
2.	Badan Berkanun	1,004.48	1,022.48	1,027.48	1,027.48	1,027.48
JUMLAH		5,370.59	5,387.24	5,457.27	5,783.19	5,824.76
JUMLAH PELABURAN		6,119.59	6,136.24	6,209.27	6,535.19	6,576.76

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 hingga 2017

CARTA 4.5
JUMLAH PELABURAN BERBANDING
DIVIDEN DITERIMA PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3. Hutang Awam

Hutang Awam terdiri daripada pelbagai pinjaman dalam dan luar negeri. Ini termasuklah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Selain itu, hutang Kerajaan Negeri juga meliputi Bon Terbitan dengan nilai nominal sejumlah RM1 bilion yang diterbitkan pada tahun 2014. Pada akhir tahun 2017, baki hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM3.87 bilion berbanding RM3.79 bilion pada akhir tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM78.19 juta atau 2.1%. Peningkatan ini disebabkan oleh pinjaman baru yang diterima daripada Kerajaan persekutuan untuk pinjaman Bekalan Air dan Pelbagai masing-masing sejumlah RM97.03 juta dan RM123.31 juta. Pada tahun 2017 juga, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pokok berjumlah RM142.15 juta terhadap pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air, Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai masing-masing sejumlah RM3.60 juta, RM99.69 juta, RM1.38 juta dan RM37.48 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membuat bayaran balik faedah sejumlah RM5.33 juta kepada Kerajaan Persekutuan terhadap Pinjaman Perumahan Kos Rendah sejumlah RM1.45 juta, Pembangunan

Kemajuan Ekonomi Negeri sejumlah RM399,681 dan Pelbagai sejumlah RM3.48 juta.

4.8.3.1. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.35**.

JADUAL 4.35
KEDUDUKAN HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	33.24	36.83	-3.59	-9.7
2.	Bekalan Air	1,716.46	1,719.12	-2.66	-0.2
3.	Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	8.61	9.99	-1.38	-13.8
4.	Pelbagai	1,113.39	1,027.57	85.82	8.4
5.	Bon Terbitan	1,000.00	1,000.00	0.00	0.0
JUMLAH		3,871.70	3,793.51	78.19	2.1

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.8.3.2. Analisis Audit bagi tempoh lima (5) tahun mendapati baki hutang Kerajaan Negeri telah meningkat pada setiap tahun seperti ditunjukkan **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
HUTANG KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	48.01	44.44	40.72	36.83	33.24
2.	Bekalan Air	1,614.20	1,715.89	1,765.80	1,719.12	1,716.46
3.	Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	58.40	22.84	11.32	9.99	8.61
4.	Pelbagai	565.87	628.11	781.02	1,027.57	1,113.39
5.	Bon Terbitan	544.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00
JUMLAH		2,830.48	3,411.28	3,598.86	3,793.51	3,871.70

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2013 hingga 2017

4.8.3.3. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM29.60 juta iaitu menurun sejumlah RM1.16 juta atau 3.8% berbanding RM30.76 juta pada tahun 2016. Tunggakan ini merupakan pinjaman bagi Membiayai Skim Amanah Saham Sabah sejumlah RM29.60 juta. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mengenepikan faedah tunggakan pinjaman berjumlah RM9.60 juta dan menstruktur semula bayaran balik bagi RM20 juta dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari 13 Februari 2018 hingga 13 November 2022. Kementerian Kewangan Negeri Sabah akan menyediakan peruntukan bagi bayaran balik tersebut mulai tahun 2018. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang

Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.37**.

JADUAL 4.37
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	0.00	1.36	0.58	1.16	0.00
2.	Pelbagai	0.00	0.00	29.60	29.60	29.60
JUMLAH		0.00	1.36	30.18	30.76	29.60

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2013 hingga 2017

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4.9.1. Tunggakan Hasil

4.9.1.1. Pada akhir tahun 2017, tunggakan hasil Negeri adalah berjumlah RM534.89 juta iaitu meningkat sejumlah RM41.10 juta atau 8.3% berbanding tunggakan pada tahun 2016 yang berjumlah RM493.79 juta. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.38**.

JADUAL 4.38
TUNGGAKAN HASIL PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Air	257.53	178.29	79.24	44.4
2.	Faedah Pinjaman	151.46	185.51	-34.05	-18.4
3.	Cukai Tanah	83.26	77.12	6.14	8.0
4.	Jualan Sarang Burung	28.27	36.72	-8.45	-23.0
5.	Jualan Susu Segar	1.91	5.02	-3.11	-62.0
6.	Lain-lain Hasil	12.46	11.13	1.33	11.9
JUMLAH		534.89	493.79	41.10	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.9.1.2. Analisis Audit mendapati, pada tahun 2017 tunggakan hasil air telah meningkat sejumlah RM79.24 juta atau 44.4% disebabkan oleh peningkatan kadar tarif air yang bermula 1 Februari 2015. Peningkatan tarif air ini menyebabkan peningkatan kenaikan caj ke atas pengguna dan seterusnya menyebabkan kesulitan pengguna dalam pembayaran bil. Selain itu, caj GST yang dikenakan bermula 1 April 2015 telah menyumbang kepada kenaikan tunggakan hasil air di mana pengguna terbeban dengan kos tambahan yang perlu dibayar.

4.9.1.3. Selain itu, tunggakan cukai tanah turut meningkat sejumlah RM6.14 juta atau 8% disebabkan oleh agensi kerajaan yang masih belum

menjelaskan sewa tanah antaranya Warisan Harta Sdn. Bhd. yang hanya menjelaskan RM469,000 berbanding keseluruhan tunggakan yang berjumlah RM5.90 juta, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar sejumlah RM1.70 juta yang terdiri daripada projek perumahan kos rendah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah sejumlah RM485,000 dan Sabah Urban Development Corporation sejumlah RM1.40 juta. Selebihnya tunggakan dari geran *Native Title* dan *Free Register* yang majoritinya daripada golongan yang kurang berkemampuan.

4.9.1.4. Sementara tunggakan jualan sarang burung pula menurun sejumlah RM8.45 juta atau 23% disebabkan oleh kontraktor yang aktif untuk tempoh kontrak tahun 2013 hingga 2016 telah membuat bayaran penuh untuk membolehkan mereka layak menyertai kontrak bagi tempoh kontrak tahun 2017 hingga 2020. Bagi kontraktor yang masih mempunyai tunggakan akan disenarai hitam atau tidak layak mengikuti mana-mana kontrak/tender yang ditawarkan. Bagi kontrak terbaru untuk tempoh tahun 2017 hingga 2020, syarat yang lebih ketat diperkenalkan.

4.9.1.5. Tunggakan hasil Faedah Pinjaman juga menurun sejumlah RM34.05 juta atau 18.4% disebabkan oleh bayaran balik faedah pinjaman dan penepian faedah pinjaman. Selain itu, tunggakan jualan susu segar menurun dengan ketara sejumlah RM3.11 juta atau 62% disebabkan tunggakan yang telah dikutip hasil daripada perbincangan yang dilakukan terhadap kedua-dua pihak, surat peringatan dikeluarkan dan mengadakan mesyuarat khas berhubung perkara ini.

4.9.1.6. Tunggakan hasil bagi tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun seperti **Jadual 4.39**.

JADUAL 4.39
TUNGGAKAN HASIL BAGI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Air	122.93	136.79	167.18	178.29	257.53
2.	Faedah Pinjaman	207.25	191.16	187.82	185.51	151.46
3.	Cukai Tanah	67.71	62.89	69.85	77.12	83.26
4.	Jualan Sarang Burung	33.02	45.50	53.18	36.72	28.27
5.	Susu Segar	22.46	19.22	6.77	5.02	1.91
6.	Lain-lain Hasil	5.46	7.30	8.59	11.13	12.46
JUMLAH		458.83	462.86	493.39	493.79	534.89

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri bagi Tahun 2013 hingga 2017

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah stabil.

- i. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM390.64 juta atau 16.2% daripada RM2.41 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.80 bilion pada tahun 2017;
- ii. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus sejumlah RM56.66 juta menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM3.80 bilion pada tahun 2017;
- iii. Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan baki debit berjumlah RM333.98 juta atau 25.1% menjadi baki debit berjumlah RM994.17 juta berbanding baki debit RM1.33 bilion pada tahun 2016;
- iv. jumlah keseluruhan pelaburan telah meningkat kepada RM9.09 bilion pada tahun 2017;
- v. tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun kepada RM802.32 juta pada tahun 2017 berbanding RM814.32 juta pada tahun 2016;
- vi. tunggakan Bayaran Balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM29.60 juta menurun berbanding tunggakan sejumlah RM30.76 juta pada tahun sebelumnya; dan
- vii. tunggakan hasil didapati meningkat sejumlah RM41.10 juta kepada RM534.89 juta pada tahun 2017.

4.10.2. Untuk menambah baik prestasi kewangan Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. mewujudkan mekanisme yang berkesan untuk mengutip tunggakan hasil yang berjumlah RM534.89 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM802.32 juta pada tahun 2017;
- ii. meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat;
- iii. mengambil tindakan untuk mengurangkan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk

menampung jumlah perbelanjaan pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri;

- iv. menyediakan peruntukan tambahan bagi menyelesaikan baki debit Kumpulan Wang Pendahuluan Diri yang melibatkan perbelanjaan di bawah AP 54 dan AP 55 sama ada secara berperingkat atau secara sekali gus; Selain itu, prosedur pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai serta Garis Panduan berkaitan kerja-kerja kecemasan di bawah AP 55 dan AP 173.2 perlu ditambah baik bagi mengurangkan baki debit; dan
- v. mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pematuhan AP 103 serta minimakan kuiri JBNS agar bayaran dalam tempoh Akaun Kena bayar dan AP 58 (a) adalah wajar dan munasabah.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11

5.1. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Sabah untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2020. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sabah.

5.2. Pada tahun 2017, peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-11 adalah berjumlah RM1.28 bilion untuk diagihkan kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan 7,270 projek pembangunan di bawah 195 program seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKE-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH RMKE-11 (RM Juta)	PROJEK (BIL.)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	582.73	183
2.	Jabatan Ketua Menteri	252.25	792
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	175.82	163
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	173.22	5,913
5.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	22.27	40
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	17.20	32
7.	Kementerian Belia dan Sukan	15.35	77
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	14.49	19
9.	Kementerian Kewangan	10.00	3
10.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	7.63	28
11.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	4.65	20
JUMLAH		1,275.61	7,270

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

5.3. Sejumlah RM997.54 juta atau 78.2% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2017. Sebanyak empat (4) Kementerian/Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat, Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Prestasi perbelanjaan bagi tujuh (7) Kementerian yang lain adalah antara 24.6% hingga 75.4%. Prestasi perbelanjaan pembangunan dibawah RMKe-11 yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri adalah seperti **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH RMKE-11 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)	PENCAPAIAN PERATUS (%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	582.73	439.43	75.4
2.	Jabatan Ketua Menteri	252.25	207.75	82.4
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	175.82	142.70	81.2
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	173.22	156.56	90.4
5.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	22.27	9.78	43.9
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	17.20	11.10	64.5
7.	Kementerian Belia dan Sukan	15.35	10.84	70.6
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	14.49	8.72	60.2
9.	Kementerian Kewangan	10.00	2.46	24.6
10.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	7.63	4.02	52.7
11.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	4.65	4.18	89.9
JUMLAH		1,275.61	997.54	78.2

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah

5.4. Analisis Audit selanjutnya mendapati prestasi perbelanjaan bagi tujuh (7) Kementerian tidak mencapai 80% dalam tahun 2017. Di antara punca peruntukan yang diluluskan berjumlah RM183.32 juta tidak dibelanjakan adalah disebabkan oleh projek yang dijadual dilaksanakan dalam tahun 2017 telah dijadualkan semula untuk muktamadkan lokasi tapak projek, reka bentuk sedang disediakan dan perolehan tender belum selesai. Perincian butiran adalah seperti **Jadual 5.3**.

JADUAL 5.3
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TIDAK
MENCAPAI 80% DI BAWAH RMKe-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	439.43	143.30	Antara punca Kementerian Pembangunan Infrastruktur tidak membelanjakan sejumlah RM143.30 juta adalah beberapa projek di Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Keretapi Negeri Sabah belum dimulakan dan dalam proses pelantikan kontraktor, penyediaan skop kerja, menunggu kelulusan reka bentuk dan penetapan tapak. Bagaimanapun sebahagian daripada projek ini telah dijalankan dalam tahun 2018 contoh projek penaiktarafan sistem komunikasi Jabatan Keretapi Negeri Sabah bermula pada 1 Februari 2018.

BIL.	KEMENTERIAN	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN
2.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	9.78	12.49	Sejumlah RM12.49 juta tidak dibelanjakan kerana tiga (3) projek pelancongan Taman-Taman Sabah, tiga (3) projek menaik taraf infrastruktur hidupan liar dan dua (2) projek Jabatan Muzium dalam proses sama ada penyediaan skop kerja, pengesahan pemilikan tapak, menunggu kelulusan pelan pembangunan dan dalam proses pelantikan kontraktor.
3.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	11.10	6.10	Antara punca sejumlah RM6.10 juta tidak dibelanjakan adalah: (i) dokumen kontrak untuk Residensi Pedalaman belum lengkap; (ii) bayaran kontrak berjumlah RM2.91 juta telah dikui oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan tidak sempat diproses untuk pembayaran dalam tahun 2017.
4.	Kementerian Belia dan Sukan	10.84	4.51	Antara punca sejumlah RM4.51 juta tidak dibelanjakan adalah : (i) kelewatan penyerahan tapak projek bagi pembinaan empat (4) gelanggang skuasy; (ii) belum ada pelantikan kontraktor untuk projek pembinaan Arena Belia Daerah Kinabatangan berjumlah RM500,000; dan (iii) KBS mendapat maklumat projek naiktaraf Kompleks Sukan Tenom-Trek Sintetik dan Astaka berjumlah RM3 juta akan dilaksana melalui peruntukan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	8.72	5.77	Peruntukan berjumlah RM5.77 juta tidak dibelanjakan kerana projek Rumah Kedai Tongod Fasa II dalam proses perolehan tender.
6.	Kementerian Kewangan	2.46	7.54	Baki Peruntukan berjumlah RM7.54 juta adalah kerana: (i) tiada tuntutan daripada pihak berkaitan seperti Majlis Perbandaran Sandakan untuk bayaran infrastruktur Education Hub di Sandakan; dan (ii) sumbangan modal kepada agensi sekiranya terdapat tuntutan bagi projek yang melibatkan penyediaan bekalan utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi.
7.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	4.02	3.61	Peruntukan berjumlah RM3.61 juta tidak dibelanjakan kerana: (i) pembinaan bangunan baru pusat aktiviti warga emas di Beaufort memerlukan peruntukan tambahan untuk dimulakan; dan (ii) pembinaan semula bangunan baru warga tua Air Panas, Tawau dalam proses penyediaan reka bentuk yang bersesuaian dengan keperluan warga tua.
JUMLAH		486.35	183.32	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah


5.5. Di bawah RMKe-11, sebanyak 7,270 projek telah dirancang termasuk projek khas/kecil Jabatan Ketua Menteri untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,525 projek atau 89.7% telah siap dilaksanakan, sebanyak 587 projek atau 8.1% projek sedang dilaksanakan dan 158 projek atau 2.2% belum dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2017 adalah seperti **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
STATUS PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	STATUS PELAKSANAAN PROJEK						JUMLAH
		SIAP SEBENAR	SEDANG DILAKSANAKAN			BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN	
			DAHULU JADUAL	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL			
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	64	9	57	2	22	29	183
2.	Jabatan Ketua Menteri	496	-	288	-	1	7	792
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	-	-	158	-	-	5	163
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5,913	-	-	-	-	-	5,913
5.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	12	4	10	-	7	7	40
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	2	-	24	2	-	4	32
7.	Kementerian Belia dan Sukan	7	1	11	-	7	51	77
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	4	-	10	1	1	3	19
9.	Kementerian Kewangan	-	-	2	-	1	-	3
10.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	12	-	6	1	2	7	28
11.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	15	-	1	-	-	4	20
JUMLAH		6,525	14	567	6	41	117	7,270

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

CARTA 5.1
STATUS PENCAPAIAN PROJEK RMKe-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2017



Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

5.6. Menurut rekod yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, pada akhir tahun 2017 sebanyak 41 projek tidak dapat dimulakan dalam tahun 2017 kerana perubahan tapak projek, dalam proses kelulusan tender, penyediaan reka bentuk dan skop kerja belum dimuktamadkan. Analisis Audit terhadap lima (5) atau 12.2% sampel projek yang diluluskan peruntukan bernilai RM1 juta ke atas dalam tahun 2017 tetapi belum mula dilaksanakan adalah seperti **Jadual 5.5**.

JADUAL 5.5
PROJEK BELUM MULA TAHUN 2017

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2017 (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pembinaan Semula Bangunan Baru Rumah Warga Tua Air Panas, Tawau	3.0	Reka bentuk telah disiapkan tetapi memerlukan peruntukan tambahan untuk dimulakan dalam tahun 2017.
2.	Jalan Tampais Off Liwagu Bridge Near The 'Tugu Nunukragang', Ranau	2.0	Menunggu kelulusan reka bentuk.
3.	Membina Jalan Kiansom Bypass, Inanam	1.0	Menunggu kelulusan tender.
4.	Pembinaan Jambatan Sungai Telangkai di KM 1.5 Jalan Sepulut Agis, Nabawan	1.0	Reka bentuk masih belum siap.
5.	Rumah Kedai Tongod Fasa II (6x2)	1.0	Menunggu kelulusan tender.

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

5.7. Analisis Audit selanjutnya terhadap rekod projek lewat siap yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri setakat 31 Disember 2017 mendapati hanya 0.01% atau enam (6) projek daripada keseluruhan 7,270 projek lewat siap. Butiran lengkap adalah seperti **Jadual 5.6**.

JADUAL 5.6
PROJEK LEWAT SIAP TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2017 (RM Juta)	SEBAB LEWAT
1.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	Pembinaan Semula Bangunan TDKKU dan Kuarters Bertingkat, Sembulan	1.0	Kontraktor mengalami masalah kewangan walaupun pembayaran tuntutan telah dibuat.
2.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	Infrastruktur Rumah Kedai Sindumin, Sipitang	0.0	Projek telah siap 98% tetapi kontraktor tidak fokus untuk menyiapkan sepenuhnya.
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI)	Naik Taraf Kemudahan Pelabuhan Dalam Kawasan Terminal Jeti Menumbok, Fasa 3	4.0	Kerja-kkerja pengukuran tapak menyebabkan kerja fizikal hanya bermula pada Disember 2017. Sementara menunggu tempoh tersebut, KPI terpaksa melaksanakan kerja-kkerja penyenggaraan lain seperti menyenggara struktur marin pada pontoon jeti dan kawasan ruangan menunggu di kawasan terminal pelabuhan Menumbok yang memerlukan kos tambahan sebanyak RM500,000. Projek ini telah siap sepenuhnya pada akhir Disember 2017.
		Pembinaan Jeti-jeti Terapung untuk Kapal-kapal kecil di Pulau Banggi, Kudat	0.0	Kekurangan bahan binaan menyebabkan projek lewat siap. Kerja-kkerja pembinaan telah berjalan lancar dan dalam proses pembayaran.
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Pelan Tempatan Kundasang	0.5	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 23 Oktober 2017 telah menerima Laporan Interim tetapi didapati tidak memenuhi skop kerja dalam Terma Rujukan. Pihak Jururunding telah diminta untuk menyediakan draf akhir Pelan Tempatan Kundasang dan Putatan dengan segera agar projek berjalan mengikut jadual.
		Pelan Tempatan Putatan	0.5	

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

5.8. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan RMKe-11 adalah baik di mana sejumlah RM997.54 juta atau 78.2% daripada peruntukan sejumlah RM1.28 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2017. Selain itu, sebanyak 6,525 projek atau 89.7% telah siap dilaksanakan. Hanya 0.01% atau enam (6) projek yang diselia oleh empat (4) Kementerian lewat siap.

BAHAGIAN IV
PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

6.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 44 Agensi Negeri iaitu 20 BBN termasuk Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah serta 24 PBT di Negeri Sabah selaras dengan kehendak Akta Audit 1957. Daripada jumlah tersebut, pengauditan bagi 18 BBN dan 21 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Lantikan Firma Audit Swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Pengauditan penyata kewangan Majlis Ugama Islam Sabah, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah, Yayasan Tun Fuad, Majlis Daerah Kunak, Majlis Daerah Beluran dan Majlis Daerah Pitas dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

6.2.1. Mengikut undang-undang tubuh BBN berkenaan, Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), penyata kewangan BBN dan PBT hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan BBN perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tiap-tiap tahun selaras dengan Arahan Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2015 oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Penyata Kewangan PBT pula perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya mengikut Pindaan Arahan Kewangan PBT 1961 dan Pindaan Tahun 2007 bertarikh 16 April 2009.

6.2.2. Setakat 31 Julai 2018, semua 24 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara.

Bagi BBN pula, sebanyak dua (2) penyata kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 belum diserahkan untuk pengauditan iaitu Korporasi Pembangunan Desa Sabah dan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah. Butiran lanjut kedudukan penyerahan penyata kewangan BBN dan PBT setakat 31 Julai 2018 adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PENYERAHAN
PENYATA KEWANGAN BBN TAHUN 2017 SETAKAT 31 JULAI 2018

BIL.	BBN	TARIKH SERAH
1.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	22.02.2018
2.	Yayasan Tun Fuad	15.03.2018
3.	Perbadanan Pinjaman Sabah	28.03.2018
4.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	17.04.2018
5.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	23.04.2018
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	23.04.2018
7.	Lembaga Pelancongan Sabah	25.04.2018
8.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	26.04.2018
9.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	27.04.2018
10.	Perbadanan Pinjaman Sabah	28.03.2018
11.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	30.04.2018
12.	Lembaga Industri Getah Sabah	30.04.2018
13.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	30.04.2018
14.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	30.04.2018
15.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	30.04.2018
16.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	30.04.2018
17.	Yayasan Sabah	30.04.2018
18.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	09.07.2018
19.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	BT
20.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	BT

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: BT - Belum Terima

JADUAL 6.2
KEDUDUKAN PENYERAHAN
PENYATA KEWANGAN PBT TAHUN 2017 SETAKAT 31 JULAI 2018

BIL.	PBT	TARIKH SERAH
1.	Majlis Daerah Nabawan	02.01.2018
2.	Majlis Daerah Tenom	02.01.2018
3.	Majlis Perbandaran Tawau	02.01.2018
4.	Majlis Daerah Semporna	26.02.2018
5.	Majlis Daerah Tuaran	15.03.2018
6.	Majlis Daerah Kota Belud	20.03.2018
7.	Majlis Daerah Ranau	21.03.2018
8.	Majlis Daerah Pitas	27.03.2018

BIL.	PBT	TARIKH SERAH
9.	Majlis Daerah Kunak	28.03.2018
10.	Majlis Daerah Kuala Penyu	02.04.2018
11.	Majlis Daerah Beluran	05.04.2018
12.	Lembaga Bandaran Kudat	23.04.2018
13.	Majlis Daerah Kota Marudu	23.04.2018
14.	Majlis Daerah Beaufort	25.04.2018
15.	Majlis Daerah Tambunan	25.04.2018
16.	Majlis Perbandaran Sandakan	25.04.2018
17.	Majlis Daerah Keningau	26.04.2018
18.	Majlis Daerah Lahad Datu	26.04.2018
19.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	30.04.2018
20.	Majlis Daerah Kinabatangan	30.04.2018
21.	Majlis Daerah Papar	30.04.2018
22.	Majlis Daerah Penampang	30.04.2018
23.	Majlis Daerah Putatan	30.04.2018
24.	Majlis Daerah Sipitang	30.04.2018

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

6.2.3. Kelewatan penyerahan penyata kewangan BBN antaranya berpunca daripada syarikat subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan kepada BBN untuk disatukan dan pelaksanaan sistem piawaian perakaunan MPERS dalam penyata kewangan menyebabkan akaun akhir tidak dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

6.2.4. Semua Penyata Kewangan PBT telah diserahkan untuk pengauditan dalam tempoh empat (4) bulan selepas penutupan akaun tahunan seperti tahun sebelumnya.

6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

6.3.1. Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran, Tanpa Teguran (*Emphasis of Matters*), Berteguran, Bertentangan atau Penafian.

6.3.2. Sebanyak 44 penyata kewangan BBN dan PBT bagi tahun 2016 telah disahkan. Semua penyata kewangan tersebut telah diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran kecuali dua (2) agensi yang diberi Laporan Ketua Audit Negara Berteguran seperti berikut:

a. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)

- i. Pembangunan harta tanah berjumlah RM73.11 juta tidak menunjukkan pergerakan semenjak tahun 2014 dan tiada rosot nilai disediakan untuk jumlah ini.
- ii. Terdapat perbezaan rekod di dalam amaun terhutang kepada anak syarikat antara LPPB dan Kuala Menggatal Development Coporation Sdn. Bhd. berjumlah RM5.87 juta.
- iii. Laporan kewangan bagi anak syarikat LPPB iaitu Supernesa Sdn. Bhd. dan Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd. telah diberikan Pendapat Bersyarat oleh juruaudit masing-masing.

b. Majlis Ugama Islam Sabah

- i. Penyata kewangan MUIS tidak mengikut Piawai Laporan Entiti Persendirian (MPERS).
- ii. Penghutang perniagaan berjumlah RM69.80 juta termasuk Penghutang Sewa Wisma MUIS berjumlah RM69.60 juta tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan seperti perjanjian sewa, rekod pembayaran dan baki tunggakan sewa tidak lengkap.
- iii. Selain itu, sejumlah RM5.42 juta tidak diiktiraf sebagai pendapatan sewa bangunan Wisma MUIS bagi tahun 2016.

6.3.3. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Pada masa ini, penyata kewangan PBT disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Menurut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperolehi, manakala perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan. Penggunaan asas perakaunan tunai ini dibenarkan di bawah Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah 1961 bilangan 273 (*Appendix T*).

6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penyata kewangan BBN dan PBT yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Setakat 31 Julai 2018, semua penyata kewangan BBN dan PBT bagi tahun 2016 telah dibentangkan di DUN kecuali dua (2) BBN dan lima (5) PBT yang dijadual untuk dibentang di sidang DUN yang akan datang. Senarai penyata kewangan BBN dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 yang telah mendapat Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran

dalam tahun 2017 tetapi belum dibentangkan di sidang DUN adalah seperti **Jadual 6.3** dan **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.3
SENARAI PENYATA KEWANGAN BBN TAHUN 2016
YANG TELAH MENDAPAT LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TANPA
TEGURAN TETAPI BELUM DIBENTANGKAN DI SIDANG DUN SETAKAT 31 JULAI 2018

BIL.	BBN	TARIKH	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
1.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	26.07.2017	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	27.07.2017	Tanpa Teguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

JADUAL 6.4
SENARAI PENYATA KEWANGAN PBT TAHUN 2016
YANG TELAH MENDAPAT LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TANPA
TEGURAN TETAPI BELUM DIBENTANGKAN DI SIDANG DUN SETAKAT 31 JULAI 2018

BIL.	PBT	TARIKH	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
1.	Majlis Daerah Beaufort	20.07.2017	Tanpa Teguran
2.	Majlis Daerah Kota Marudu	17.07.2017	Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Kota Belud	25.07.2017	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Sipitang	21.07.2017	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Papar	24.07.2017	Tanpa Teguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

6.5. PRESTASI KEWANGAN

Sehingga 31 Julai 2018, 18 daripada 20 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2017 untuk diaudit. Analisis prestasi kewangan dibuat terhadap 17 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2017 kecuali satu (1) iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, hanya tiga (3) penyata kewangan BBN telah diperakukan iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah, Yayasan Tun Fuad, dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, manakala 15 penyata kewangan BBN tersebut sedang diaudit.

6.5.1. Prestasi Kewangan BBN

6.5.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2017 bagi 17 BBN adalah baik berbanding tahun 2016. Pada akhir tahun 2017, lebihan pendapatan terkumpul telah meningkat sejumlah RM43.45 juta atau 2.6% kepada RM1.69 bilion pada tahun 2017 berbanding RM1.65 bilion pada tahun 2016. Lebihan jumlah aset juga meningkat sejumlah RM57.76 juta atau 2% kepada RM2.89 bilion pada tahun 2017 berbanding RM2.84 bilion pada tahun 2016. Bagaimanapun, aset bersih semasa meningkat sejumlah RM86.06 juta atau 3% menjadi RM2.74 bilion pada tahun 2017 berbanding RM2.65 bilion pada tahun 2016. Selain itu, surplus pendapatan tahun semasa menunjukkan

peningkatan sejumlah RM228.85 juta atau 147% kepada RM72.88 juta pada tahun 2017 berbanding defisit RM155.97 juta pada tahun 2016. Prestasi kewangan 17 BBN bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.5
PRESTASI KEWANGAN 17 BBN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Pendapatan Berkumpul	1,695.22	1,651.76	43.45	2.6
2.	Lebih Jumlah Aset	2,899.60	2,841.84	57.76	2.0
3.	Aset Bersih Semasa	2,742.65	2,655.59	87.06	3.0
4.	Lebih Pendapatan Semasa	72.88	-155.97	228.85	-147.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN Bagi Tahun 2016 dan 2017

6.5.1.2. Selanjutnya, analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 mendapati 13 BBN yang mengemukakan penyata kewangan telah memperolehi surplus antara RM65,550 hingga RM46.87 juta. Perbadanan Pinjaman Sabah masih kekal mencatatkan lebih tertinggi pada tahun 2016 iaitu RM46.87 juta kerana peningkatan dalam pendapatan faedah. Sementara tiga (3) BBN iaitu Yayasan Sabah, Lembaga Industri Getah Sabah dan Lembaga Sukan Negeri Sabah masing-masing mencatat defisit berjumlah RM66.39 juta, RM227,544 dan RM807,731 pada tahun 2017.

6.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2017 mendapati 16 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM2.77 juta hingga RM1.58 bilion. Perbadanan Pinjaman Sabah didapati mencatat aset semasa bersih paling tinggi berjumlah RM1.58 bilion di mana aset semasa berjumlah RM2.85 bilion berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM1.27 bilion. Sejumlah RM2.81 bilion daripada aset semasa tersebut merupakan pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman. Satu (1) BBN iaitu Yayasan Sabah mencatat aset semasa kurang daripada liabiliti semasa sebanyak RM287.09 juta. Sejumlah RM321.05 juta daripada liabiliti semasa tersebut merupakan jumlah terutang Yayasan Sabah kepada subsidiari. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
PRESTASI KEWANGAN BBN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	BBN	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			LEMBARAN IMBANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		HASIL	PERBELANJAAN	SURPLUS/ (Defisit)	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET/ (Liabiliti) SEMASA BERSIH
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	136.39	89.52	46.87	2,852.40	1,270.37	1,582.03
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	14.32	14.07	0.25	4.56	1.79	2.77
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	4.45	0.24	4.20	13.47	0.007	13.46
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	30.83	24.19	6.64	46.95	2.67	44.28
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	433.29	433.57	-0.27	229.59	28.26	201.33
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	27.68	28.49	-0.81	10.99	3.12	7.80
7.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	21.04	13.9	7.11	246.40	2.34	244.06
8.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	14.68	9.31	5.38	55.66	1.69	53.96
9.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	4.22	3.98	0.23	6.84	0.24	6.60
10.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	55.02	47.16	7.85	82.84	7.4	75.44
11.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	22.56	22.50	0.06	179.57	112.1	67.47
12.	Yayasan Tun Fuad	0.50	0.354	0.14	12.01	0.03	11.98
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	64.90	23.09	41.81	374.64	226.03	148.60
14.	Majlis Ugama Islam Sabah	102.12	74.79	27.32	170.36	3.4	166.95
15.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	41.81	34.07	7.73	141.80	33.61	108.19
16.	Yayasan Sabah	33.85	100.24	-66.39	140.51	427.61	-287.09
17.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	76.88	92.12	-15.24	361.61	66.79	294.82
JUMLAH		1,084.54	1,011.59	72.88	4,930.20	2,187.46	2,742.65

Sumber: Penyata Kewangan BBN Bagi Tahun 2017

6.5.2. Analisis Aset

6.5.2.1. Pada akhir tahun 2017, sebanyak 17 BBN memperoleh aset sejumlah RM7.13 bilion berbanding RM6.78 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM349.85 juta atau 5.2%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2017 ialah RM4.93 bilion berbanding RM4.64 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah meningkat daripada RM2.65 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.74 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM87.06 juta atau 3%. Sebanyak 13 BBN mengalami peningkatan aset bersih semasa antara RM39,000 hingga RM27.27 juta pada tahun 2017. Dua (2) BBN mengalami peningkatan aset bersih semasa melebihi 20% pada tahun 2016 iaitu Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah meningkat sejumlah


RM4.96 juta atau 58% kerana pengurangan Lain-lain Pemiutang sejumlah RM642,070 daripada RM649,828 dalam tahun 2016 kepada RM7,758 pada tahun 2017 dan ini diimbangi oleh peningkatan penghutang sejumlah RM4.70 juta; dan Majlis Ugama Islam Sabah meningkat sejumlah RM27.27 juta atau 20% kerana peningkatan terimaan tabung zakat sejumlah RM18.87 juta yang turut menyumbang kepada peningkatan wang di bank sejumlah RM21.59 juta.

6.5.2.2. Selain itu, empat (4) BBN mengalami penurunan dalam aset bersih semasa antara 4% hingga 14% pada tahun 2017 iaitu Yayasan Sabah menurun sejumlah RM102.57 juta atau 56% kerana pengurangan tunai dan baki di bank sejumlah RM6.67 juta dan ini diimbangi oleh peningkatan belum bayar dagangan sejumlah RM110.32 juta. Perbadanan Pinjaman Sabah mencatatkan penurunan sejumlah RM90.61 juta atau 5% kerana peningkatan dalam terbitan sekuriti hutang sebanyak RM300 juta dan ini diimbangi oleh penurunan aset cukai sebanyak RM4.03 juta; Lembaga Sukan Negeri Sabah mencatatkan penurunan sejumlah RM1.31 juta atau 14% kerana penurunan tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.04 juta untuk membiayai tambahan kepada hartanah, loji dan peralatan; dan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah turut mencatatkan penurunan sejumlah RM4.36 juta atau 4% kerana penurunan tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM4.16 juta untuk membiayai tambahan kepada hartanah, loji dan peralatan.

6.5.3. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2017, 16 daripada 17 BBN telah membuat pelaburan berjumlah RM1.15 bilion yang terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, hartanah dan sekuriti. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM47.29 juta atau 4.2% berbanding RM1.10 bilion pada tahun 2016. Jenis Pelaburan oleh BBN pada tahun 2017 adalah seperti **Carta 6.1**.

CARTA 6.1
JENIS PELABURAN BBN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan BBN Bagi Tahun 2017

6.5.4. Analisis Liabiliti

6.5.4.1. Pada akhir tahun 2017, jumlah liabiliti bagi 17 BBN ialah RM4.23 bilion berbanding RM3.94 bilion pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM292.20 juta atau 7.4%. Jumlah liabiliti bagi 10 BBN didapati telah meningkat antara 1.9% hingga 43.7% dan jumlah liabiliti bagi tujuh (7) BBN pula telah menurun antara 0.3% hingga 98.8% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016.

6.5.4.2. Liabiliti lapan (8) BBN meningkat melebihi 5% dalam tahun 2017 iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah sejumlah RM141.85 juta atau 6% kerana peningkatan terbitan sekuriti hutang sejumlah RM300 juta; Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sejumlah RM159,444 atau 9.7% kerana peningkatan pemiutang sejumlah RM159,444; Lembaga Pelancongan Sabah sejumlah RM446,340 atau 20% kerana peningkatan pemiutang dan akruan sejumlah RM446,340; Lembaga Industri Getah Sabah sejumlah RM7.70 juta atau 8.6% kerana peningkatan pemiutang perniagaan dan lain-lain sejumlah RM2.20 juta; Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah sejumlah RM1.35 juta atau 6.2% kerana peningkatan pinjaman sebanyak RM11.15 juta; dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah sejumlah RM73,748 atau 43.6% kerana peningkatan geran diterima PKBDR dan pelbagai akaun belum bayar, akruan masing-masing meningkat sebanyak RM86,763 dan RM13,015; Yayasan Sabah sejumlah RM110.32 juta atau 34.7% kerana peningkatan belum bayar dagangan dan lain sejumlah RM110.32 juta; dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah sejumlah RM78.30 juta atau 28% kerana peningkatan pinjaman bukan semasa dan pemiutang lain-lain masing-masing sejumlah RM106.36 juta dan RM23.14 juta.

6.5.4.3. Penurunan liabiliti kesemua tujuh (7) BBN iaitu Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah sejumlah RM642,070 atau 98.8% kerana penurunan lain-lain pemiutang sebanyak RM642,070; Lembaga Sukan Negeri Sabah sejumlah RM152,769 atau 4.6% kerana penurunan akaun amanah sebanyak RM676,552; Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar sejumlah RM7.19 juta atau 5.3% kerana penurunan pinjaman Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan masing-masing sebanyak RM547,671 dan RM569,574; Yayasan Tun Fuad sejumlah RM26,967 atau 44.6% kerana penurunan pemiutang dan akruan sebanyak RM26,967; Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah sejumlah RM21.45 juta atau 7.2% kerana penurunan pinjaman kerajaan sebanyak RM4.19 juta dan pembayaran lain serta akruan sebanyak RM17.80 juta; Majlis Ugama Islam Sabah sejumlah RM312,168 atau 0.3% kerana penurunan pemiutang lain, deposit dan akruan sebanyak RM305,363; dan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah sejumlah RM29.47 juta atau 16.8% kerana penurunan pinjaman bertempoh sebanyak

RM24.67 juta. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 6.7**.

JADUAL 6.7
JUMLAH LIABILITI BBN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BBN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2,357.88	2,216.02	141.86	6.4
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	1.79	1.63	0.15	9.8
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	0.007	0.64	-0.63	-98.9
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	2.67	2.22	0.45	20.3
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	96.71	89.01	7.70	8.7
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	3.12	3.27	-0.15	-4.6
7.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	224.93	215.24	9.69	4.5
8.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	22.99	21.63	1.36	6.3
9.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	0.24	0.16	0.08	50.0
10.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	82.50	80.89	1.61	2.0
11.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	128.97	136.16	-7.19	-5.3
12.	Yayasan Tun Fuad	0.03	0.06	-0.03	-50.0
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	277.15	298.60	-21.45	-7.2
14.	Majlis Ugama Islam Sabah	103.04	103.35	-0.31	-0.3
15.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	145.93	175.40	-29.47	-16.8
16.	Yayasan Sabah	427.61	317.28	110.33	34.8
17.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	357.91	279.61	78.30	28.0
JUMLAH		4,233.48	3,941.17	292.31	7.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2016 dan 2017

6.5.5. Analisis Nisbah

Analisis Nisbah merupakan satu kaedah untuk menilai kekukuhan kewangan sesebuah agensi termasuk kemampuan bayaran, kecairan, dan perubahan nilai bersih agensi tersebut. Bagi menilai prestasi kewangan 17 BBN pada tahun 2017, analisis Nisbah Semasa, Nisbah Cepat, Aset Bersih Semasa, Aliran Tunai Bersih dan Nisbah Hutang telah dibuat.

6.5.5.1. Nisbah Semasa digunakan bagi menilai keupayaan kecairan agensi untuk menjelaskan hutang jangka pendek. Berdasarkan pengiraan, didapati 16 BBN mempunyai aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa melebihi sekali ganda. Ini menunjukkan, 16 BBN berkemampuan untuk mendapatkan tunai bagi membayar segala hutang semasa pada tahun 2017. Sebanyak satu (1) BBN iaitu Yayasan Sabah menunjukkan jumlah aset semasa yang boleh ditunaikan adalah kurang daripada liabiliti semasa. Bagaimanapun, Yayasan Sabah memiliki aset sejumlah RM669.20 juta berbanding RM427.61 juta jumlah liabiliti pada tahun 2017 iaitu lebih sejumlah RM241.59 juta. Yayasan Sabah

berada pada tahap kecairan yang kurang baik tanpa bergantung pada aset tetap.

6.5.5.2. Nisbah Cepat pula mengukur kemampuan agensi untuk membayar hutang jangka pendek tanpa bergantung pada inventori. Pengiraan Nisbah Cepat mendapati 16 BBN mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak bergantung kepada inventori untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek pada tahun 2017 kecuali Yayasan Sabah.

6.5.5.3. Aset Bersih Semasa bertujuan mengukur keupayaan aset semasa untuk menampung liabiliti semasa dalam satu tempoh. Aset Bersih Semasa yang positif adalah penting untuk memastikan agensi mampu melaksanakan aktiviti semasa dengan sumber kewangan yang mencukupi. Analisis mendapati 16 BBN mempunyai lebih Aset Bersih Semasa pada tahun 2017. Hanya satu (1) BBN iaitu Yayasan Sabah menunjukkan kekurangan Aset Bersih Semasa di mana komponen hutang yang besar dalam liabiliti semasa adalah akaun belum bayar kepada subsidiari berjumlah RM321.05 juta pada tahun 2017. Bagi melaksanakan aktiviti semasa Yayasan Sabah telah berhutang kepada syarikat subsidiarinya iaitu Innoprise Corportion Sdn. Bhd., Innoprise Properties Sdn. Bhd. dan YSG Biotech Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM293.42 juta, RM19.78 juta dan 7.84 juta.

6.5.5.4. Aliran Tunai Bersih menunjukkan nilai kesetaraan tunai yang dimiliki oleh agensi dalam tahun semasa. Pada tahun 2017, sebanyak 17 BBN didapati mempunyai nilai kesetaraan tunai yang positif untuk pergerakan tunai ke dalam atau keluar suatu perniagaan, projek, atau produk kewangan.

6.5.5.5. Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis Nisbah Hutang mendapati lima (5) daripada 17 BBN menunjukkan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Perbadanan Pinjaman Sabah membuat pinjaman di Syarikat Cagamas Berhad bersandarkan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan Negeri, bank berlesen dan Kerajaan Negeri Sabah; Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah tiada membuat pinjaman tetapi pemilikan aset semasa yang tinggi dibiayai oleh geran pembangunan yang belum digunakan; Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan; Yayasan Sabah membuat pinjaman daripada syarikat subsidiari iaitu Innoprise Corportion Sdn. Bhd., Innoprise Properties Sdn. Bhd. dan YSG Biotech Sdn. Bhd. dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri Sabah. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.8**.

JADUAL 6.8
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN BBN BAGI TAHUN 2017

BIL.	BBN	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	ASET BERSIH SEMASA/ MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2.25	2.25	1,582.03	21.44	81.49
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2.55	2.55	2.77	2.80	31.21
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	1,736.33	1,736.33	13.46	4.64	0.054
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	17.58	17.58	44.28	45.93	6.15
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	8.12	8.12	201.33	173.30	35.74
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	3.52	3.52	7.87	7.70	19.63
7.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	105.17	105.17	244.06	237.64	91.28
8.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	32.75	31.59	53.96	20.44	18.83
9.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	28.22	28.14	6.60	6.67	2.29
10.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	11.19	11.19	75.44	66.32	42.03
11.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	1.60	1.55	67.47	35.89	60.40
12.	Yayasan Tun Fuad	359.74	359.74	11.98	12.01	0.21
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	1.66	1.66	148.60	59.67	36.58
14.	Majlis Ugama Islam Sabah	49.97	49.97	166.95	82.59	28.91
15.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	4.22	4.22	108.19	116.91	23.87
16.	Yayasan Sabah	0.33	0.33	-287.09	45.26	63.89
17.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	5.41	5.41	294.81	60.68	51.77

Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.6. Prestasi Anak Syarikat BBN

6.5.6.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2017, sebanyak 12 BBN termasuk Majlis Ugama Islam Sabah telah melabur di 50 anak syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM567.86 juta. BBN yang membuat pelaburan tertinggi dalam anak syarikat pada tahun 2017 adalah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah yang melabur sejumlah RM403.55 juta dalam 15 anak syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat oleh BBN adalah seperti **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM ANAK SYARIKAT PADA TAHUN 2017

BIL.	BBN	ANAK SYARIKAT (100%)	ANAK SYARIKAT (>50%)	JUMLAH SYARIKAT	JUMLAH PELABURAN (RM)
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	4	-	4	18,900,002
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	9	2	11	28,038,805
3.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	1	-	1	1,000
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	-	1	2,196,536
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	3	-	3	8,002,044
6.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	1	-	1	5

BIL.	BBN	ANAK SYARIKAT (100%)	ANAK SYARIKAT (>50%)	JUMLAH SYARIKAT	JUMLAH PELABURAN (RM)
7.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	1	-	1	299,331
8.	Korporasi Pembangunan Desa	1	3	4	1,333,900
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	1	-	1	999,998
10.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	9	6	15	403,552,555
11.	Yayasan Sabah	4	2	6	104,410,567
12.	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	2	-	2	125,000
JUMLAH		37	13	50	567,859,743

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2017

6.5.6.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 12 BBN telah melabur dalam 41 anak syarikat yang berstatus aktif. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dormant adalah seperti **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10
BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN PADA TAHUN 2017

BIL.	BBN	BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH SYARIKAT
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	4	-	4
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	6	5	11
3.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	1	-	1
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	-	1
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	3	-	3
6.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	-	1	1
7.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	1	-	1
8.	Korporasi Pembangunan Desa	2	2	4
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	1	-	1
10.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	14	1	15
11.	Yayasan Sabah	6	-	6
12.	Majlis Ugama Islam Sabah	2	-	2
JUMLAH		41	9	50

Sumber: Penyata Kewangan BBN Bagi Tahun 2017

6.5.6.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2017, sebanyak 16 anak syarikat yang aktif di bawah tujuh (7) BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM413 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit menunjukkan 32 anak syarikat di bawah sepuluh (10) BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM265 juta manakala dua (2) anak syarikat KPD tidak mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2017 kerana dalam proses

pembubaran. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2017 adalah seperti **Jadual 6.11**.

JADUAL 6.11
ANALISIS KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT BBN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN / (Kerugian) BERSIH
		BIL. SYARIKAT	(RM Juta)	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	2	1.23	2	1.57	-0.83
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	-	-	11	90.86	-41.52
3.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	1	83.27	-	-	3.78
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	5.12	-	-	0.20
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	1	5.23	2	4.82	0.03
6.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	-	-	1	0.06	-0.03
7.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	-	-	1	2.00	-0.25
8.	Korporasi Pembangunan Desa *	-	-	2	6.98	-1.45
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	-	-	1	0.80	0.06
10.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	9	192.40	6	98.36	-8.69
11.	Yayasan Sabah	1	125.30	5	60.01	-18.99
12.	Majlis Ugama Islam Sabah	1	1.18	1	0.06	-0.14
JUMLAH		16	413.00	32	265.00	-67.00

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Bagi Tahun 2017

Nota: (*) 2 Penyata Kewangan Anak Syarikat KPD Terakhir Diaudit Tahun 2015 dan 2016

6.5.7. Prestasi Kewangan PBT

Penyata kewangan PBT di Negeri Sabah bagi tahun 2017 masih disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Mengikut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperoleh, manakala perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan.

6.5.7.1. Sebanyak 24 PBT di Negeri Sabah yang terdiri daripada satu (1) Dewan Bandaraya, dua (2) Majlis Perbandaran dan 21 Majlis Daerah. Pada tahun 2017, sebanyak lapan (8) daripada 24 PBT memperoleh surplus pendapatan, manakala 16 PBT mencatat defisit. Selain itu, 18 PBT didapati mempunyai harta yang mampu menampung tanggungan semasa. Prestasi kewangan 24 PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
PRESTASI KEWANGAN PBT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	PBT	PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)			PENYATA HARTA DAN TANGGUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (RM Juta)		
		PENERIMAAN	PEMBAYARAN	SURPLUS/ (Defisit)	HARTA	TANGGUNGAN	HARTA/ (Tanggungan) BERSIH
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	131.17	135.20	-4.03	52.02	38.44	13.59
	JUMLAH KECIL	131.17	135.20	-4.03	52.02	38.44	13.59
2.	Majlis Perbandaran Tawau	47.28	51.37	-4.09	51.41	3.58	47.83
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	70.01	71.42	-1.41	13.05	17.67	-4.63
	JUMLAH KECIL	117.29	122.79	-5.50	64.46	21.25	43.21
4.	Majlis Daerah Lahad Datu	18.45	18.13	0.32	32.29	1.32	30.97
5.	Majlis Daerah Penampang	30.41	24.34	6.07	49.48	0.59	48.89
6.	Majlis Daerah Keningau	16.65	19.08	-2.43	5.82	2.55	3.27
7.	Majlis Daerah Tuaran	7.29	9.45	-2.16	9.06	3.19	5.87
8.	Majlis Daerah Papar	8.91	9.88	-0.97	3.12	2.11	1.01
9.	Lembaga Bandaran Kudat	6.66	7.00	-0.34	1.27	1.21	0.05
10.	Majlis Daerah Beaufort	9.37	8.81	0.56	1.61	0.12	1.49
11.	Majlis Daerah Putatan	9.92	8.56	1.36	2.38	0.12	2.25
12.	Majlis Daerah Kinabatangan	6.51	6.79	-0.28	1.19	1.45	-0.26
13.	Majlis Daerah Semporna	7.89	7.61	0.28	0.71	0.66	0.05
14.	Majlis Daerah Beluran	5.34	6.61	-1.27	3.37	0.64	2.74
15.	Majlis Daerah Kota Belud	8.41	8.15	0.26	3.96	6.61	-2.65
16.	Majlis Daerah Tenom	6.99	7.08	-0.09	1.57	2.57	-1.00
17.	Majlis Daerah Kota Marudu	4.91	4.51	0.40	0.72	0.82	-0.11
18.	Majlis Daerah Kuala Penyu	4.33	4.66	-0.33	1.76	0.85	0.92
19.	Majlis Daerah Kunak	4.80	5.14	-0.34	4.06	0.04	4.02
20.	Majlis Daerah Sipitang	4.22	4.30	-0.08	3.36	0.07	3.29
21.	Majlis Daerah Ranau	3.19	3.69	-0.50	5.28	2.75	2.53
22.	Majlis Daerah Pitas	1.46	2.32	-0.86	0.13	0.58	-0.46
23.	Majlis Daerah Tambunan	4.47	3.56	0.91	4.16	1.48	2.69
24.	Majlis Daerah Nabawan	2.33	3.00	-0.67	0.71	0.02	0.69
	JUMLAH KECIL	172.51	172.67	-0.16	136.01	29.75	106.26
	JUMLAH KESELURUHAN	420.97	430.66	-9.72	252.49	89.44	163.05

Sumber: Penyata Kewangan PBT Bagi Tahun 2017

6.5.7.2. Cukai Perkara Am

a. Kutipan Cukai Perkara Am

Mengikut Seksyen 82 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, setiap pemilik hartanah dalam kawasan perkadaran hendaklah membayar cukai taksiran

tahunan mengikut kadar yang ditetapkan oleh PBT. Salah satu komponen cukai taksiran adalah Cukai Perkara Am yang merupakan cukai dikenakan terhadap hartanah yang dikenali sebagai harta pegangan berkadar seperti bangunan kediaman, perniagaan, perusahaan, pejabat dan tanah kosong dalam kawasan perkadaran. Ia ditaksir berdasarkan nilai tahunan dan kadar peratus yang diwartakan. Pada tahun 2017, sejumlah RM126.79 juta Cukai Perkara Am telah dikutip oleh 24 PBT. Kutipan ini meningkat sejumlah RM4.56 juta atau 3.7% berbanding kutipan Cukai Perkara Am pada tahun 2016 yang berjumlah RM122.23 juta. Jumlah hasil Cukai Perkara Am yang dikutip oleh PBT pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
KUTIPAN CUKAI PERKARA AM PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	55.13	53.04	2.09	3.9
2.	Majlis Perbandaran Tawau	20.29	20.66	-0.37	-1.8
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	24.47	23.00	1.47	6.4
4.	Majlis Daerah Penampang	9.04	8.18	0.86	10.5
5.	Majlis Daerah Lahad Datu	6.64	6.99	-0.35	-5.0
6.	Majlis Daerah Keningau	1.83	1.61	0.22	13.7
7.	Majlis Daerah Putatan	2.03	1.84	0.19	10.3
8.	Majlis Daerah Tuaran	1.46	1.44	0.02	1.4
9.	Majlis Daerah Papar	0.92	1.93	-1.01	-52.3
10.	Majlis Daerah Beaufort	0.96	0.92	0.04	4.3
11.	Lembaga Bandaran Kudat	0.59	0.56	0.03	5.4
12.	Majlis Daerah Semporna	0.92	0.71	0.21	29.6
13.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.53	0.50	0.03	5.6
14.	Majlis Daerah Tenom	0.32	0.27	0.05	18.5
15.	Majlis Daerah Ranau	0.16	0.14	0.02	14.3
16.	Majlis Daerah Kunak	0.13	0.14	-0.01	-7.1
17.	Majlis Daerah Sipitang	1.17	0.08	1.08	1,284.0
18.	Majlis Daerah Kota Belud	0.07	0.08	-0.01	-12.5
19.	Majlis Daerah Nabawan	0.01	0.01	0.00	-0.0
20.	Majlis Daerah Tambunan	0.06	0.06	0.00	0.0
21.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.03	0.06	-0.03	-50.0
22.	Majlis Daerah Pitas	0.02	0.01	0.01	100.0
23.	Majlis Daerah Beluran	0.01	0.00	0.01	0.0
24.	Majlis Daerah Kinabatangan*	-	-	0.00	0.0
JUMLAH		126.79	122.23	4.56	3.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT Bagi Tahun 2017

Nota: * Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am

b. Tunggakan Cukai Perkara Am

Secara keseluruhan, Tunggakan Cukai Perkara Am bagi 24 PBT meningkat sejumlah RM29.51 juta atau 30.8% iaitu daripada tunggakan sejumlah RM95.92 juta pada tahun 2016 kepada RM125.43 juta pada tahun 2017. Ringkasan tunggakan Cukai Perkara Am adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
TUNGGAKAN CUKAI PERKARA AM PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Nabawan	0.02	0.02	0.00	0.00
2.	Majlis Daerah Semporna	2.16	2.14	0.02	0.9
3.	Majlis Perbandaran Tawau	8.54	8.46	0.08	0.9
4.	Majlis Daerah Tenom	1.25	1.23	0.02	1.6
5.	Majlis Daerah Kota Belud	0.58	0.54	0.04	7.4
6.	Majlis Daerah Kunak	0.33	0.36	-0.03	-8.3
7.	Majlis Daerah Lahad Datu	1.84	2.36	-0.52	22.0
8.	Majlis Daerah Tuaran	7.24	5.57	1.67	30.0
9.	Majlis Daerah Tambunan	0.11	0.12	-0.01	-8.3
10.	Majlis Perbandaran Sandakan	34.42	31.89	2.53	7.9
11.	Majlis Daerah Pitas	0.14	0.12	0.02	16.7
12.	Majlis Daerah Kota Marudu	1.48	1.20	0.28	23.3
13.	Majlis Daerah Keningau	3.60	2.97	0.63	21.2
14.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.14	0.04	0.10	250.0
15.	Majlis Daerah Ranau	0.84	0.67	0.17	25.4
16.	Majlis Daerah Putatan	4.57	7.22	-2.65	-36.7
17.	Majlis Daerah Sipitang	0.06	0.05	0.01	20.0
18.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	38.85	14.22	24.63	173.2
19.	Majlis Daerah Penampang	7.55	6.47	1.08	16.7
20.	Lembaga Bandaran Kudat	1.84	1.99	-0.15	-7.5
21.	Majlis Daerah Beaufort	3.59	3.10	0.49	15.8
22.	Majlis Daerah Papar	6.28	5.18	1.10	21.2
23.	Majlis Daerah Beluran**	0.00	0.00	0.00	0.0
24.	Majlis Daerah Kinabatangan***	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		125.43	95.92	29.51	30.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT Bagi Tahun 2017

Nota: 1. Bil. 1 hingga 17 – Penyata Kewangan telah diperakukan

2. Bil. 18 hingga 22 – Penyata Kewangan sedang diaudit

* Majlis Daerah Beluran tidak mempunyai tunggakan

** Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am

Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Selain itu, maklumat mengenai perkadaran tidak dikemas kini menyebabkan ada pegangan yang sudah tidak wujud tetapi bil masih dikeluarkan. Sehubungan itu, PBT perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan Cukai Perkara Am

seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak serta melakukan pemantauan atau pemeriksaan berkala untuk memastikan Cukai Perkara Am dikenakan mengikut penilaian terkini.

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Sehingga 31 Julai 2018, kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2017 adalah baik.

- i. semua 24 PBT dan 18 BBN telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2017 dalam tempoh yang ditetapkan untuk diaudit;
- ii. dua (2) BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2017 untuk diaudit;
- iii. bagi pengesahan penyata kewangan bagi tahun 2017 pula, penyata kewangan 17 PBT dan tiga (3) BBN telah diperkenan manakala tujuh (7) PBT dan 15 BBN sedang diaudit; dan
- iv. sebanyak tujuh (7) daripada 44 Agensi Negeri belum membentangkan penyata kewangan bagi tahun 2016 yang telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara di DUN pada 3 Julai 2018.

6.6.2. Analisis prestasi kewangan dibuat terhadap 17 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2017 kecuali satu (1) BBN iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah. Pada keseluruhannya, prestasi 17 BBN bagi tahun 2017 adalah baik manakala prestasi kewangan 24 PBT pula adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- i. berlakunya peningkatan lebih pendapatan tahun semasa sejumlah RM228.92 juta atau 147% dan peningkatan keuntungan terkumpul sejumlah RM43.45 juta atau 2.6% berbanding tahun 2016;
- ii. lebih Jumlah Aset juga meningkat sejumlah RM57.76 juta atau 2%. Bagaimanapun, Aset Semasa Bersih menurun RM87.06 juta atau 3%;
- iii. sebanyak 16 anak syarikat yang aktif di bawah tujuh (7) BBN mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM413 juta, manakala 32 anak syarikat di bawah 10 BBN mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM265 juta;
- iv. sebanyak 16 PBT mencatat defisit di antara RM10,000 hingga RM4.09 juta dan peningkatan tunggakan Cukai Perkara Am sejumlah RM29.51 juta atau 30.8%; dan

- v. kutipan Cukai Perkara Am tahun 2017 meningkat sejumlah RM4.56 juta atau 3.7%.

6.6.3. Untuk memastikan prestasi kewangan bertambah kukuh dan tadbir urus yang baik, Agensi Negeri disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

- i. Lembaga Pengarah Majlis Ugama Islam Sabah dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar hendaklah memberi perhatian serius menyelesaikan isu berulang yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Berteguran. Selain itu, pemantauan terhadap prestasi anak syarikat yang mengalami kerugian terkumpul perlu dipertingkatkan agar berdaya maju dan dapat memberi pulangan;
- ii. Lembaga Pengarah Yayasan Sabah perlu meneliti kedudukan Aset Bersih Semasa yang tidak berupaya untuk menampung liabiliti semasa dan beroperasi melalui pinjaman daripada anak syarikatnya;
- iii. kesemua Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu memantau prestasi kewangan anak syarikat terutama yang mengalami kerugian terkumpul dan dorman. Sistem pemantauan yang berkesan penting untuk memastikan anak syarikat bergerak sebagai entiti yang berniaga dan dapat memberi pulangan;
- iv. PBT hendaklah meningkatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tunggakan Cukai Perkara Am yang kian meningkat; dan
- v. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akruan bagi PBT di Negeri Sabah agar kedudukan kewangan agensi memberi gambaran sebenar dan dapat dinilai secara menyeluruh.

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 1 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2016 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 7 Ogos 2017. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah Bagi Tahun 2016 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 2 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada 3 Julai 2018.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8.1. Pada tahun 2017, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali untuk membincangkan isu-isu berkaitan Laporan Ketua Audit Negara. Mesyuarat pertama diadakan pada 27 hingga 28 Februari 2017 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2. Seterusnya Jawatankuasa bermesyuarat kali kedua pada 29 Ogos 2017 bagi membentangkan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 Siri 1.

8.2. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat yang ketiga pada 28 hingga 30 November 2017 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1.

8.3. Pada tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah yang pertama telah diadakan pada 1 dan 2 Mac 2018 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 yang masih belum selesai di dalam sistem *AG Dashboard*. Ringkasan jadual Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah adalah seperti **Jadual 8.1**.


JADUAL 8.1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI SABAH PADA TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	27 – 28 Februari 2017 (PAC Siri 1/2017)	- Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) - Majlis Daerah Papar - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah	- Pengurusan Program Penyewaan Rumah dan Penempatan Semula: - Flat lima (5) Tingkat dengan kapasiti sebanyak 80 unit rumah belum diduduki. - Tunggakan sewa
		- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah - Jabatan Air Negeri Sabah - Setiausaha Hasil Bumi Negeri Sabah	- Pengurusan Kawal Selia Air: - Kajian keperluan air. - Pembinaan empangan di Daerah Tawau. - Kawasan tadahan air belum diwartakan. - Pelesenan terhadap aktiviti air belum dilaksanakan.
		Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	- Pengurusan Pengenaan dan Kutipan Cukai Taksiran: - Tempoh cukai taksiran tertunggak. - Tindakan kutipan cukai taksiran.
		- Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah - Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	- Pengurusan Kemudahan Pelancongan Taman-taman Sabah: - Kemudahan pelancongan tidak digunakan. - Syarat perjanjian penswastaaan tidak dipatuhi. - Kemudahan yang rosak tidak disenggara.
		Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak	- Pengurusan Ternakan Lembu dan Kambing: - Pengeluaran baka dan bibit tidak mencapai sasaran. - Pusat Pembiakan beroperasi di bawah kapasiti. - Pusat Pembiakan tdak disenggara
		Jabatan Perhutanan Sabah	- Pengurusan Projek Pelancongan: - Hasil kerja kurang memuaskan dan tidak siap. - Kemudahan tidak digunakan; kolam renang belum beroperasi dan <i>genset room</i> tidak digunakan. - Penyenggaraan kemudahan. - Kolam renang tiada aspek keselamatan.
		- Majlis Daerah Tenom - Majlis Daerah Nabawan - Majlis Daerah Tambunan	- Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan: - Perolehan tidak mematuhi had nilai perolehan. - Perolehan di Majlis Daerah Tenom dan di Majlis Daerah Nabawan yang sepatutnya dilaksanakan dengan kaedah sebut harga/tender telah dilaksana dengan kaedah pembelian terus. - Perolehan Majlis Daerah Tenom dan Majlis Daerah Nabawan lewat dibayar.
2.	29 Ogos 2017 (PAC Siri 2/2017)	Pejabat Daerah Kuala Penyu	Sesi taklimat mengenai pembangunan daerah Kuala Penyu yang terbengkalai dan terbiar oleh Pegawai Daerah Kuala Penyu.
		Jabatan Audit Negara Negeri Sabah	- Sesi taklimat oleh Pengarah Audit Negeri Sabah mengenai status penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. - Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah Tahun 2016 Siri I terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian I – Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Bahagian II – Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri ➤ Bahagian I – Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <u>Jabatan Kerja Raya</u> - Pengurusan Projek Pembentukan <u>Jabatan Muzium Negeri Sabah</u> - Pengurusan Projek-projek Muzium <u>Majlis Perbandaran Sandakan, Majlis Daerah Lahad Datu dan Majlis Daerah Semporna</u> - Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran <u>Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah</u> - Asian Supply Base Sdn. Bhd.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
			e) <u>Korporasi Pembangunan Desa</u> - Agrodesa Sdn. Bhd. f) <u>Yayasan Sabah</u> - KKYS Sdn. Bhd. ➤ Bahagian II – Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri - Sebanyak 31 kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit pada tahun 2016. Sebanyak 22 mendapat penarafan cemerlang, baik enam (6) manakala tiga (3) lagi memuaskan.
		Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)	Sesi taklimat oleh Pengarah SEDIA mengenai kedudukan terkini projek pembinaan Kompleks Perikanan Mini Ko-Nelayan.
3.	28-30 November 2017 (PAC Siri 3/2017)	Majlis Perbandaran Sandakan	Sesi taklimat pembangunan daerah Sandakan oleh Presiden Majlis Perbandaran Sandakan.
		- Jabatan Kerja Raya	- Sesi mendengar keterangan saksi terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi LKAN Tahun 2016 Siri 1. ➤ Pengurusan Projek Pembentungan - Pematuhan <i>Environmental Impact Assessment</i> (EIA). - Proses pewartaan dan hak milik tanah belum diselesaikan. - Kontrak lewat ditandatangani. - Lanjutan masa diluluskan tanpa permohonan bertulis daripada kontraktor. - Kelewatan bayaran interim. - Kerja pembinaan tidak berkualiti/ tidak mengikuti spesifikasi. - Kemudahan <i>Sludge Drying Bed</i> dan pondok pengawal tidak digunakan.
		Jabatan Muzium Negeri Sabah	➤ Pengurusan Projek-projek Muzium. - Kelengkapan dan perabot tidak dibekalkan. - Bangunan pusat repositori tidak digunakan. - Kantin dan kedai cenderamata tidak digunakan.
		- Majlis Perbandaran Sandakan - Majlis Daerah Lahad Datu - Majlis Daerah Semporna	➤ Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran - Prestasi kutipan Tunggakan Cukai Taksiran. - Tempoh Cukai Taksiran Tertunggak.
		Korporasi Pembangunan Desa	➤ Syarikat AgroDesa Sdn. Bhd. (Pembelian ayam oleh Manggis Abattoir): - Jumlah keseluruhan hutang tertunggak Manggis Abattoir setakat 31 Disember 2016 adalah RM1.02 juta. - Peruntukan yang disediakan untuk membina, memasang dan menguji kilang APPC sehingga boleh beroperasi termasuk memberikan latihan kepada kakitangan berjumlah RM989,000.00. Walau bagaimanapun keseluruhan perbelanjaan yang dibayar mencapai RM1.43 juta. - Kilang sembelihan ayam APPC telah beroperasi dan membawa pelbagai isu asas atau <i>fundamental issue</i>. - Setelah kilang siap dibina, Manggis Abattoir terus membekalkan kelengkapan keperluan operasi termasuk penyelenggaraan kilang secara berperingkat yang berjumlah RM56,909.52. - Kilang APPC yang dibina berasaskan konsep <i>Mobile Slaughter House</i> tidak menepati kehendak keperluan berkanun agensi-agensi penguatkuasa kerajaan. - Kelemahan aspek pembentukan dan pelaksanaan model perniagaan Kilang APPC.
		Yayasan Sabah	➤ Syarikat KKYS Sdn. Bhd. (Tunggakan Yuran) - Setiap tahun kolej berusaha untuk mengurangkan yuran tertunggak dengan mengeluarkan surat peringatan kepada pelajar. - Bilangan pelajar yang mempunyai hutang yuran tertunggak juga turut berkurang iaitu seramai 2,021 pada tahun 2014 dan sekarang tinggal 954 orang. - Kutipan yuran pelajar tertunggak juga telah berkurang iaitu sebanyak RM23.98 juta pada tahun 2014 dan RM7.29 juta pada tahun 2017. - Beberapa langkah juga dicadangkan untuk mengurangkan hutang yuran tertunggak.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
		Majlis Ugama Islam Sabah	- Pengurusan Tanah Wakaf: - Kelewatan MUIS mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun 2016. - Laporan Ketua Audit Negara Berteguran. - Sewaan bangunan kerajaan di Wisma MUIS. - Prestasi pengauditan Indeks Akauntabiliti memuaskan (3 bintang) - Punca kelewatan mengemukakan Penyata Kewangan adalah disebabkan syarikat milik penuh MUIS lewat untuk mengemaskini beberapa perkara termasuklah penyata penyesuaian bank. - Kekurangan kakitangan untuk menampung tugas dan tanggungjawab dalam agensi. Permohonan tambahan kakitangan telah dibuat. - MUIS telah mengeluarkan surat peringatan awal kepada <i>subsidiary company</i> untuk mengemukakan kewangan mereka selewat-lewatnya bulan Februari setiap tahun untuk disatukan dengan Penyata Kewangan Induk MUIS. - Sijil Audit Berteguran mengenai pungutan sewa Wisma MUIS berjumlah RM69.06 juta tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang tidak lengkap.
		Kementerian Belia dan Sukan	- Projek Arena Belia di Pekan Kuala Penyu. - Projek Arena Belia di Pekan Kuala Penyu sudah siap 100%. Diakui projek ini lambat disiapkan tetapi kini telah lengkap dan dalam proses memohon OC. Semua binaan yang dibuat menepati spesifikasi dalam kontrak. - Kementerian juga telah memohon untuk pengisian jawatan untuk menyelenggara dan memantau Arena Belia apabila mula beroperasi kelak. - Bagi mengelakkan gangguan <i>vandalism</i>, pihak kementerian juga mempunyai kontrak dari segi kawalan keselamatan. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk tujuan tersebut belum mencukupi.
		Jabatan Hidupan Liar	- Isu tunggakan hutang kutipan sarang burung. - Pihak jabatan telah memasukkan syarat kontrak yang menyatakan kontraktor yang ikut serta dalam tender tidak boleh mempunyai hutang dengan kerajaan. - Jabatan masih terus berusaha memberi peringatan kepada kontraktor yang langsung tidak membayar hutang mereka. - Sebagai penambahbaikan, tahap tapisan dan analisis tender juga dibuat berhubung dengan keluarga ataupun pemegang saham atau mana-mana syarikat ada kaitan. Mana-mana syarikat yang didapati mempunyai hubungkait secara automatik akan <i>disqualified</i>.
4.	1-2 Mac 2018 (PAC Siri 1/2018)	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	- Pengurusan Pengenaan dan Kutipan Cukai Taksiran - Prestasi kutipan cukai taksiran tahunan - Tempoh cukai taksiran tertunggak. - Tindakan kutipan tunggakan cukai taksiran.
		Jabatan Hidupan Liar Sabah	- Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi - Kerja pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian. - Perbelanjaan tanpa peruntukan. - Bil lewat diterima. - Lebih bayaran bagi kontrak bekalan makanan haiwan.
		Pihak Berkuasa Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)	- Pengurusan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau - Sasaran pengeluaran susu tidak tercapai - Pengisian guna tenaga kritikal tidak dibuat.
		Syarikat Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.	- Pengurusan Syarikat Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. - Enam (6) syarikat subsidiari yang aktif mengalami defisit antara RM55,000 hingga RM72.66 juta. - Tujuh (7) syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 dan satu syarikat bersekutu berstatus dormant.
		Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd.	- Pengurusan Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. - Stok bernilai RM6.20 juta yang usang belum dilupus. <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) tidak lengkap dan tidak dikemaskini sejak tahun 1986.
		Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	- Kajian Pengurusan Tanah Wakaf MUIS - Prestasi perletakan hak.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi bagi tahun 2017 adalah baik. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi 31 Disember 2017 berada di tahap stabil dengan peningkatan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing adalah pada tahap baik dan kurang memuaskan. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri disarankan meneruskan usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil dan pinjaman supaya kedudukan kewangan kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan.
- c. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem *check and balance*, mengadakan pemantauan berterusan, *spot check* dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai.
- d. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

23 Oktober 2018



LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 12.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan berseesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sabah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sabah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan

melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Sabah.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Sabah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Sabah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 JUN 2018



PERNYATAAN SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN KEWANGAN DAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting dan;
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Sabah.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2017.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2017.


GHUI NGET NGO
Bendahari Negeri
Sabah

02 Februari 2018


DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

02 Februari 2018

LAMPIRAN III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2017

<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2017</u>	<u>2016</u>
		RM	RM
WANG AWAM			
A WANG TUNAI	8	293,232,882	412,395,595
B PELABURAN	9		
• Lebihan Wang Tunai	2,308,060,178		
• Sinking Fund Investment (Bon)	202,000,000	2,510,060,178	2,000,267,733
		<u>2,803,293,060</u>	<u>2,412,663,328</u>
DIPEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	10	3,797,467,694	3,740,809,505
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	-	-
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	12	(994,174,634)	(1,328,146,177)
		<u>2,803,293,060</u>	<u>2,412,663,328</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


CHUN NGET NGO
Pendahari Negeri Sabah

02 Februari 2018


DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

02 Februari 2018

LAMPIRAN IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
seperti pada 31 Disember 2017

	2017 RM	2016 RM
TERIMAAN		
Hasil		
Hasil Cukai	1,244,775,776.17	1,124,413,176.80
Hasil Bukan Cukai	2,241,263,159.29	1,905,143,437.54
Terimaan Bukan Hasil	401,011,739.25	413,055,435.31
	<u>3,887,050,674.71</u>	<u>3,442,612,049.65</u>
Pinjaman		
Wang Pinjaman Persekutuan	220,338,725.74	332,317,968.03
Bon Terbitan	-	-
	<u>220,338,725.74</u>	<u>332,317,968.03</u>
Terimaan Lain		
Terimaan Amanah	241,169,495.84	243,554,195.10
Bayaran Balik Pemberian Persekutuan	35,830,605.09	26,620,343.57
Hasil Pembangunan Yang Lain	34,174,000.00	34,174,000.00
	<u>311,174,100.93</u>	<u>304,348,538.67</u>
Jumlah Terimaan	<u>4,418,563,501.38</u>	<u>4,079,278,556.35</u>
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	711,907,885.86	696,732,288.90
Perkhidmatan dan Bekalan	1,056,156,437.90	973,135,455.65
Aset	228,975,332.74	292,721,262.27
Pembarian dan Kenaan Bayaran Tetap	472,483,686.78	431,490,301.61
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	370,404,976.34	229,314,683.45
	<u>2,839,928,289.62</u>	<u>2,623,393,991.88</u>
Perbelanjaan Pembangunan		
Bayaran Balik Persekutuan	34,496,874.38	22,660,017.89
Pinjaman Persekutuan	259,788,004.54	265,300,823.98
Kumpulan Wang Negeri	703,256,404.32	683,520,023.63
	<u>997,541,283.24</u>	<u>992,500,865.49</u>
Perbelanjaan Modal		
Pelaburan Deposit Tetap	307,792,445.00	509,792,445.00
Sinking Fund Investment (Bon)	202,000,000.00	511,365,000.00
	<u>509,792,445.00</u>	<u>511,365,000.00</u>
Bayaran Balik Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	190,464,186.72	186,642,511.25
Pinjaman Luar Negeri	-	-
Bon Terbitan	-	-
	<u>190,464,186.72</u>	<u>186,642,511.25</u>
Jumlah Bayaran	<u>4,537,726,214.58</u>	<u>4,313,902,368.62</u>
Tambahan/(Kurang) Wangtunai	<u>(119,162,713.20)</u>	<u>(234,623,812.27)</u>
Wangtunai Pada 01 Januari	412,395,595.44	647,019,407.71
Tambah/(Kurang) Wangtunai	<u>(119,162,713.20)</u>	<u>(234,623,812.27)</u>
WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>293,232,882.24</u>	<u>412,395,595.44</u>

Penyata Penerimaan dan Pembayaran ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


CHUI NGIET NGO
Bendahari Negeri Sabah

02 Februari 2018


DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

02 Februari 2018

LAMPIRAN V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	<u>Nota</u> 14	<u>2017</u> Anggaran RM	<u>2017</u> Sebenar RM	<u>2016</u> Sebenar RM
HASIL		4,211,785,380.00	4,177,394,005.54	3,835,724,381.25
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus		4,490,926,198.56	3,030,392,486.34	2,810,036,503.13
LEBIHAN HASIL		(279,140,818.56)	1,147,001,519.20	1,025,687,858.12
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan		1,275,612,600.00	997,541,283.24	992,500,865.49
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(1,554,753,418.56)	149,460,235.96	33,186,992.63
DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri			220,338,725.74	332,317,968.03
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan			1,084,698.55	24,689,858.03
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(71,943,188.33)	(323,820,833.43)
JUMLAH PEMBIAYAAN			149,460,235.96	33,186,992.63

Penyata Prestasi Kewangan ini hendaklah dibaca dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


SHUI NGET NGO
Bendahari Negeri Sabah

02 Februari 2018


DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD.TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

02 Februari 2018

LAMPIRAN VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2017

<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2017</u>	<u>2016</u>
		RM	RM
MEMORANDUM ASET			
F1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	15a	1,156,091,636.47	1,080,416,193.04
F2 PELABURAN	15b	6,576,757,363.31	6,535,192,182.31
MEMORANDUM LIABILITI			
G1 HUTANG AWAM	16a	3,871,699,933.23	3,793,511,408.90

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri Sabah

02 Februari 2018


DATUK PG HASSANEL DATUK PG HJ MOHD TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

02 Februari 2018

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

1. Dasar Perakaunan

Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

2. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Negeri disediakan berasaskan tunai ubahsuai.

3. Kaedah Perakaunan

Kaedah Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada Perlembagaan Negeri, iaitu:-

- a. Segala hasil atau wang yang diperoleh atau diterima yang seumpamanya hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Negeri Disatukan (Fasal 29 Perlembagaan Negeri); dan
- b. Tiada wang kecuali perbelanjaan liabiliti tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

4. Pembentangan Penyata Kewangan Negeri

Penyata Kewangan yang disediakan adalah mengikut kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) Seksyen 16(1) seperti berikut:-

- a. Akaun Hasil Disatukan.
- b. Akaun Pinjaman Disatukan.
- c. Akaun Amanah Disatukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

- d. Kumpulan Wang lain di bawah Seksyen 10.
- e. Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti.

Persembahan Penyata Kewangan adalah selaras dengan format Penyata Kewangan Persekutuan.

5. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan adalah terdiri daripada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan adalah untuk suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir 31 Disember setiap tahun seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak).

7. Urusniaga dalam Matawang Asing

Urusniaga dilaksanakan dalam matawang asing diakaunkan berdasarkan nilai setara dalam Ringgit Malaysia yang sebenar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada masa pertukaran dibuat. Urusniaga lain yang dilaksana dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia atas kadar piawai yang ditetapkan oleh Akauntan Negara. Keuntungan dan kerugian akibat terjemahan matawang asing diselaraskan kepada akaun hasil.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

8. Wang Tunai

Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

9. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan pelaburan Sinking Fund (Bon). Pelaburan diambil kira pada nilai buku.

10. Akaun Hasil Disatukan

a. Akaun Hasil

Kutipan Hasil diakaunkan berdasarkan asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima.

b. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada perbelanjaan bagi maksud Liabiliti dan Bekalan adalah merupakan semua kenaikan kepada peruntukan Anggaran bagi bayaran seperti berikut:-

- i. Gaji-gaji, barang-barang dan perkhidmatan;
- ii. Pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman; dan
- iii. Pemberian kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Perbelanjaan bagi Maksud Liabiliti terdiri daripada perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

11. Akaun Pinjaman Disatukan

Pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan di bawah undang-undang Negeri. Terimaan daripada pinjaman dipindah kepada Hasil

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

Pembangunan dan Hasil Disatukan bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut. Hutang Awam seperti yang dilaporkan dalam Penyata Memorandum terdiri daripada baki belum selesai.

12. Akaun Amanah Disatukan

a. *Kumpulan Wang Pembangunan*

Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan. Terimaan bagi kumpulan wang ini adalah terdiri daripada Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, Caruman Negeri daripada Anggaran Perbekalan, Pemberian Persekutuan, Pemberian Balik (imbuhan balik) daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan dan bayaran balik pinjaman mengikut Seksyen 2(c) Akta Kumpulan Wang Pembangunan No.70 (1966). Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini merangkumi perbelanjaan langsung pinjaman dan imbuhan balik.

b. *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan*

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) bagi maksud tertentu selaras dengan Akta Prosedur Kewangan. Kumpulan wang ini bercorak Kumpulan Wang Pusingan yang diwujudkan daripada wang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan.

c. *Akaun Kena Bayar*

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah yang dipertanggungkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2017 di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun 2018.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

d. Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak). Kumpulan wang ini diamanahkan kepada Kerajaan untuk maksud tertentu dan dilaburkan dalam Simpanan Tetap.

e. Akaun Wang Amanah Pelbagai

Wang Amanah ini yang diamanahkan kepada Kerajaan bagi maksud tertentu dan Akaun Amanah ini akan ditutup sebaik sahaja maksudnya telah dicapai.

f. Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan wang yang diterima secara potongan daripada gaji kakitangan Kerajaan Negeri di bawah undang-undang tertentu atau mengikut arahan daripada Kementerian Kewangan Negeri. Wang yang diterima daripada orang awam akan dipegang untuk jangka masa tertentu dan akan dibayar kembali atau dijadikan hasil apabila ianya tidak dikehendaki lagi. Bagi wang yang diterima dari potongan gaji, ianya akan dibayar daripada Akaun Wang Deposit mengikut undang-undang tertentu atau arahan Kementerian Kewangan Negeri.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

13. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

14. Penyata Prestasi Kewangan

Lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya menunjukkan kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sabah.

AKAUN MEMORANDUM

15. Akaun Memorandum - Aset

Perolehan Aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai, seperti pelaburan, hutang boleh dituntut dan tunggakan hasil tidak dilaporkan sebagai aset di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

a. Pinjaman Boleh Dituntut

Baki pinjaman diberi yang masih belum dibayar balik kepada Kerajaan dan boleh dituntut pembayarannya daripada peminjam.

b. Pelaburan

Pelaburan Kerajaan dalam Badan-badan Berkanun, Syarikat dan Agensi-agensi lain dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

16. Akaun Memorandum - Liabiliti

Baki hutang Kerajaan yang belum kena bayar tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan mengikut asas tunai, seperti Hutang Awam dan Jaminan Kerajaan.

a. Hutang Awam

Hutang Awam terdiri daripada baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan yang belum selesai dan bon yang diterbitkan oleh Kerajaan.

17. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima merupakan Tunggakan Hasil sejumlah RM534,888,232.36 yang sepatutnya diterima oleh kerajaan tetapi belum diterima.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

